

BAB II:
Metode Penyusunan Kitab Usul Fiqh
Mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf

BAB II:

Metode Penyusunan Kitab Usul Fiqh Mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf

Pendahuluan

Terdapat perbezaan metode penyusunan kitab usul fiqh antara mazhab Mutakallimīn dengan mazhab Aḥnāf. Secara umum, mazhab Mutakallimīn menggunakan rangka penyusunan kitabnya seperti yang berikut:

1. Pengantar-pengantar terminologi berkaitan dengan usul fiqh,
2. Hukum-hukum syara' seperti *al-wujūb*, *al-nadb*, *al-karāhah*, *al-ḥasan*, *al-qubḥ* dan lain-lain.
3. Dalil-dalil *al-Qur'ān*, *al-Ḥadīth*, *al-Ijmā'* serta dalil rasio dan *al-istiṣhāb*.
4. Aspek-aspek penunjuk lafaz dalam *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth* terhadap hukum ataupun maknanya.
5. Pembahasan tentang *al-ijtihād*, *al-taqlīd* dan *al-fatwā*, serta *al-tarjīḥ*, iaitu mekanisme yang digunakan seorang mujtahid ketika berhadapan dengan dalil-dalil yang saling bertentangan.

Kandungan seperti di atas sekurang-kurangnya terdapat dalam salah satu kitab induk mazhab Mutakallimīn seperti *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl* (المستصفى من علم الأصول) karya Imam al-Ghazālī (w. 505 H).

Sementara di pihak lain, mazhab Aḥnāf mempunyai metode berbeza dalam rangka penyusunan kitabnya. Sepertimana terdapat dalam kitab *Uṣūl al-Bazdawī* (أصول البزدوي), mazhab Aḥnāf ini menggunakan rangka karangan seperti yang berikut:

1. Pengantar ilmiah tentang pembahagian ilmu kepada ilmu tawhid dan syari'ah. Kemudian diikuti dalil-dalil syara' yang terdapat di dalamnya, seperti *al-Qur'ān*, *al-Ḥadīth*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*.
2. Aspek penunjuk lafaz baik dalam *al-Qur'ān* atau *al-Ḥadīth* terhadap makna atau indikasi hukum yang dikandunginya.
3. Pembahasan tentang keadaan serta kedudukan para Mujtahid dalam melakukan ijtihad.
4. Pembahasan tentang akal serta hubungannya dengan kecekapan manusia menggunakannya.

Bab II ini akan menghuraikan aspek perbezaan metode penyusunan kitab tersebut dalam usaha mereka untuk mentafsirkan naṣ *al-Qur'ān* dan *al-Ḥadīth*. Walau demikian, memandangkan bilangan kitab yang disusun mengikut metode kedua-dua mazhab amat banyak, pembahasan dalam bab ini akan terhad pada kitab-kitab induk tertentu yang dianggap mampu mewakili kedua-dua mazhab tersebut.

Dalam mazhab Mutakallimīn terdapat 3 buah karya utama, iaitu :

1. Kitab *al-Mu'tamad fī Uṣūl al-Fiqh* (المعتمد في أصول الفقه)
2. Kitab *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* (البرهان في أصول الفقه)
3. Kitab *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* (المستصفى من علم الأصول)

Sedangkan dalam mazhab Aḥnāf kitab-kitab utama yang perlu dikaji dan diteliti dalam pembahasan ini ialah:

1. Kitab *Taqwīm al-Adillah* (تقويم الأدلة).
2. Kitab *Uṣūl al-Bazdawī* (أصول البزدوي)
3. Kitab *Uṣūl al-Sarakhsī* (أصول السرخسي)

2.1. Metode Penulisan Kitab Usul Fiqh Mazhab Mutakallimīn

2.1.1. Kitab *al-Mu'tamad fī Uṣūl al-Fiqh* (المعتمد في أصول الفقه)¹

Kitab ini disusun oleh Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin 'Alī bin al-Ṭayyib al-Baṣrī al-Mu'tazilī (w. 436 H). Beliau seorang ulama' bermazhab Mu'tazilah tetapi amat kritikal terhadap pemikiran yang dikembangkan mazhab Mu'tazilah sendiri khususnya dalam beberapa topik pembahasan usul fiqh.

Dalam mazhab Mutakallimīn, kitab *al-Mu'tamad* merupakan kitab induk selain kitab *al-Burhān* dan *al-Mustaṣfā*. Ini bermakna bahawa kitab-kitab lainnya dalam mazhab ini merupakan ringkasan ataupun pengembangan daripada ketiga-tiga kitab induk ini. Di antara kitab yang berjaya menghimpun dan mengembangkan ketiga-tiga kitab induk di atas ialah kitab *al-Maḥṣūl fī Uṣūl al-Fiqh* karya al-Rāzī (606 H) dan kitab *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* karya al-Āmidī (w. 631 H).²

a) Metodologi Penulisan Kitab *al-Mu'tamad*

Dalam menyusun kitab *al-Mu'tamad*, Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī menggunakan rangkaian bahasa yang jelas serta mudah difahami. Namun ketika topik pembahasannya rumit dan mempunyai perspektif falsafah apatah lagi ketika pembahasan memasuki wilayah perdebatan sengit yang mana masing-masing pihak menggunakan kaedah berbeza, maka

¹ T.t., Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

² Dr. Muṣṭafā Sa'īd al-Khinn, *Dirāsah Tārikhiyyah li al-Fiqh wa Uṣūlihi wa al-Ittijāhāt allatī Ḥāzarat fihā*, h. 195.

pemahaman terhadap bahasa yang digunakan dalam kitab ini menjadi rumit pula.

Kitab *al-Mu'tamad* ini sebenarnya merupakan pengembangan dan perluasan daripada kitab *al-'Umad* (العمد) yang disusun oleh guru Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī sendiri, iaitu Qāḍī 'Abd al-Jabbār bin Aḥmad bin 'Abd al-Jabbār al-Hamdḥānī (w. 415 H). Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa penyusunan kitab *al-Mu'tamad* mempunyai kaitan dengan rangka yang ada dalam kitab *al-'Umad*. Ini bermakna bahawa susunan dan komposisi topik-topik yang dibahas dalam kitab *al-Mu'tamad* secara umum mengikut komposisi yang ada dalam kitab *al-'Umad*.

Ini tidak bererti Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī tidak mempunyai kebebasan sama sekali dalam mengemukakan idea-idea baru berkenaan dengan usul fiqh. Sebaliknya, dalam kerjaya ilmiahnya ini beliau berjaya memasukkan pemikiran-pemikiran tersendiri yang bahkan lebih penting dan signifikan berbanding apa yang telah dicapai gurunya dalam kitab *al-'Umad*.

Dalam kaitan ini beliau berkata bahawa latar belakang penyusunan kitab *al-Mu'tamad* adalah perlunya perbaikan-perbaikan yang harus dilakukan terhadap kitab *al-'Umad*. Menurutnya, dalam kitab *al-'Umad* terdapat banyak pengulangan masalah serta penjelasan-penjelasan bab yang tidak perlu dibahas secara luas dan terperinci dalam usul fiqh. Seperti pembahasan tentang pembahagian ilmu, pembatasan masalah ضروري dan مكتسب, lahirnya teori ilmiah dan menafikannya, serta beberapa pembahasan lainnya.¹

¹ Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin 'Alī bin al-Ṭayyib al-Baṣrī al-Mu'tazilī (t.t.), *al-Mu'tamad fi Uṣūl al-Fiqh (Taqdīm wa Dabṭ al-Syaykh Khalīl al-Mays: Mudīr Azhar Lubnān)*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz I, h. 3.

Berdasarkan pemikiran seperti inilah, Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī menyusun kitab *al-Mu'tamad*. Tujuannya adalah untuk memperbaiki bab-bab yang ada sehingga tidak terjadi pengulangan serta membetulkan pembahasan yang tidak perlu dimasukkan sehingga tidak ditemukan lagi topik pembahasan yang bukan bidang pembahasan usul fiqh, tetapi bidang pembahasan ilmu kalam.

Bagi Abū Al-Ḥusayn al-Baṣrī, terdapat masalah yang cukup serius untuk mempertahankan pembahasan ilmu kalam dalam kitab usul fiqh. Sebab apabila pembaca mempunyai latar belakang ilmu kalam, maka pembahasan tersebut sudah pun ada di luar kepala sehingga tidak diperlukan lagi dalam pembahasan usul fiqh. Sebaliknya apabila pembaca tidak mempunyai latar belakang ilmu kalam maka amat susah memahaminya di celah-celah pembahasan usul fiqh walaupun diberi pandangan dan penjelasan secukupnya.¹

Pada kenyataannya, Abū Al-Ḥusayn al-Baṣrī bukan setakat memperbaiki komposisi dan susunan topik pembahasan dalam kitab *al-'Umad*, tetapi juga menambah topik pembahasan baru yang sama sekali tidak ada dalam kitab *al-'Umad*. Topik pembahasan baru ini diberi nama الزیادات yang memberi erti: “beberapa tambahan” dan ditulis di bahagian akhir kitab *al-Mu'tamad*.²

Secara umumnya, metodologi- penulisan kitab *al-Mu'tamad* dapat diklasifikasi kepada dua bahagian. **Pertama:** garis-garis umum berkenaan dengan urutan topik ke topik yang ada dalam kitab secara keseluruhan serta

¹ Ibid.

² Ibid, h. 4.

hubungan antara satu topik dengan topik lain yang bersesuaian dan saling berkaitan.

Kedua: garis-garis khusus yang berkenaan dengan sub-topik pada setiap topik yang ada dalam pembahasan dalam kitab. Dalam kaitan ini Abū al-Ḥusayn berjaya menyusun mana yang semestinya didahulukan dan mana yang mesti diakhirkan dengan menggunakan pendekatan *manṭiqiyyah* yang rasional.

Untuk mengkaji metodologi kitab *al-Mu'tamad* lebih jauh lagi, dapat dipaparkan beberapa perkara yang berikut :

- Kitab *al-Mu'tamad* menggunakan kaedah analisis ilmiah dengan pendekatan dialogis. Ini bermakna bahawa pemaparan topik pembahasan dalam kitab ini menggambarkan adanya dialog antara hakikat permasalahan dengan jawapannya. Hal demikian ini dapat ditemukan hampir dalam setiap pembahasan dalam kitab.
- Abū al-Ḥusayn memasukkan pembahasan *al-tahsīn* (penilaian baik) dan *al-taqbīḥ* (penilaian buruk) secara panjang lebar dalam topik pembahasan *al-af'āl* (perbuatan-perbuatan mukallaf).¹ Pembahasan ini sebenarnya berhubungan dengan ilmu kalam. Dengan demikian, Abū al-Ḥusayn menyimpang daripada perhatian semula untuk tidak memasukkan unsur-unsur topik yang tidak kena-mengena dengan ilmu usul fiqh. Kometmen seperti itu beliau katakan dalam pendahuluan kitabnya, sebagaimana telah dipaparkan sebelum ini.
- Pemaparan pendapat-pendapat ulama' usul fiqh dilakukan secara komprehensif, sama ada pendapat ulama' *Aḥnāf*, ulama' *Syāfi'iyyah* atau

¹ Ibid, h. 334 dst.

ulama' *Zāhiriyyah*. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa Abū al-Ḥusayn memberikan ruang yang amat banyak kepada Imam-Imam dari mazhab Mu'tazilah sebagai rujukan dalam penulisan kitab, seperti Imam Abū al-Ḥasan, Abū 'Abd Allāh dan Abū al-Hudhayl. Bahkan Abū al-Ḥusayn memberikan perhatian khusus kepada gurunya, Qādī 'Abd al-Jabbār, dalam membuat rujukan. Ini sepertimana terlihat bahawa Abū al-Ḥusayn kadang-kala mengulang-ulang rujukan pada gurunya walaupun hanya pada satu masalah.

- Rujukan kepada Qādī 'Abd al-Jabbār dilakukan dengan berbagai-bagai cara. Misalnya dengan merujuk kepada kitab yang ditulis Qādī 'Abd al-Jabbār seperti *al-'Umad* dan *Syarḥ al-'Umad* atau merujuk pada kenyataan Qādī 'Abd al-Jabbār ketika mengajar secara lisan. Cara merujuk seperti ini kadang-kala dilakukan ketika membahas satu masalah, seperti ketika membahas masalah *fahwā al-qawl* (فحوى القول) sama ada boleh *dinasakh* (diganti) atau tidak.¹
- Pemaparan dalil-dalil dilakukan dengan seimbang dan bersesuaian. Sekurang-kurangnya ini dapat dilihat ketika penyebutan dalil-dalil diimbangi dengan mengemukakan dalil-dalil lawan sebagai antitesis. Kemudiannya dalil pengkritik ini dijawabnya lagi dengan kadar yang seimbang. Hal yang demikian ini seperti dilakukan Abū al-Ḥusayn ketika menghuraikan pendapat Aḥnāf tentang *al-istiḥsān* (الاستحسان).²
- Pemikiran yang dikemukakan dalam kitab *al-Mu'tamad* dapat dianggap sebagai pembaharuan pemikiran Abū al-Ḥusayn. Ini dapat dibuktikan dengan kandungan kitab yang mencerminkan pembaharuan dengan

¹ Ibid, h. 405.

² Ibid, Juz II, h. 293 - 294.

melakukan beberapa perubahan ataupun penambahan. Kandungan kitab *al-Mu'tamad* bukan hanya merupakan kumpulan maklumat lama sahaja, tetapi ia merupakan pergantian daripada pembukuan kitab lama menjadi suatu penyusunan kitab baru yang sistematik.

Hal ini sepertimana terlihat dalam pembahasan tentang *al-qiyās*. Dari segi hakikatnya, masalah *al-qiyās* sudah pernah dibahasakan sebelumnya. Tetapi dari segi sistematik, Abū al-Ḥusayn berjaya menyusun pembahasan *al-qiyās* dengan sistem pembahagian yang moden.¹

b) Kandungan Kitab *al-Mu'tamad*

Secara umumnya, pembahasan dalam kitab *al-Mu'tamad* dapat diklasifikasi kepada beberapa topik utama seperti yang berikut:

– Pendahuluan

Dalam bab pendahuluan ini Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī memaparkan matlamat penyusunan kitab, pembahagian ilmu usul fiqh, penyelarasan bab-bab dalam usul fiqh, pembahasan tentang *al-kalām* serta pembahasan secara luas tentang *al-haqīqah* dan *al-majāz*.²

– Pembahasan *al-awāmir* (lafaz-lafaz arahan)

Dalam bab pembahasan ini, dihuraikan maksud dan tujuan lafaz-lafaz *amar* (arahan), sama ada lafaz tersebut mempunyai makna hakikat (sebenar) ataupun tidak. Dalam bab ini pula dihuraikan bahawa lafaz **افعل** (buatlah) mengandungi erti wajib. Huraian lain adalah berkenaan dengan

¹ Ibid, h. 189.

² Ibid, Juz I, h. 3 – 36.

lafaz amar yang ada setelah lafaz *nahy* (larangan) serta pembahasan-pembahasan lain.¹

- Pembahasan *al-nawāhī* (lafaz-lafaz larangan)

Pembahasan dalam bab ini meliputi pengertian *nahy* (larangan) serta aspek persamaan dan perbedaannya dengan lafaz lain; larangan dengan pendekatan pilihan; pembahasan sama ada larangan menyebabkan rosaknya sesuatu yang dilarang atau tidak; sesuatu yang rosak dan tidak rosak daripada perkara yang dilarang; dan lain-lain²

- Pembahasan *al-'umūm* (lafaz-lafaz 'ām) dan *al-khuṣūṣ* (lafaz-lafaz khās)

Dalam pembahasan ini diuraikan tentang perbincangan am; dalil-dalil *syar'ī* yang menyokongnya; lafaz-lafaz am secara makna bukan secara lafaz; indikasi (penunjuk) adanya lafaz am dalam bahasa; kata sandang *alif-lām* (ل) jika bertemu *isim jama'* dan *isim mufrad musytaqq* dan *ghayr musytaqq*; lafaz *jama'* yang tidak ada *alif-lām*; minima bilangan *jama'*; dan pembahasan-pembahasan lain.³

- Pembahasan lafaz *al-mujmal* (global) dan *al-mubayyan* (terperinci)

Pembahasan dalam bab ini meliputi lafaz-lafaz yang digunakan untuk *al-mujmal* dan *al-bayān*; hal-hal yang memerlukan *bayān* (penjelasan) dan hal-hal yang tidak memerlukannya; bahagian *al-mujmal* yang dikecualikan; hal-hal yang boleh dipersamakan dengan *al-mujmal*

¹ Ibid, h. 37 dst.

² Ibid, h. 168 – 186.

³ Ibid, h. 187 dst.

dan hal-hal yang tidak boleh; hal-hal yang boleh menjadi *bayān* (penjelasan) kepada hukum-hakam *syar'ī*; dan lain-lain.¹

– Pembahasan *al-af'āl* (perbuatan-perbuatan)

Pembahasan tentang *al-af'āl* ini meliputi: pembahagian-pembahagian *al-af'āl*; pihak-pihak yang mampu melakukan *al-af'āl* (perbuatan), sama ada perbuatan baik ataupun perbuatan buruk; pengertian *al-ta'assī*; *al-ittibī'*, *al-muwāfaqah* dan *al-mukhālafah*; pembahagian-pembahagian perbuatan Nabi SAW; perbuatan-perbuatan Nabi SAW jika saling bertentangan; dan lain-lain.²

– Pembahasan *al-nāsikh* dan *al-mansūkh*

Pembahasan dalam bab ini meliputi kegunaan nama *al-naskh* (pengantian) dari segi bahasa dan syara'; hakikat *al-nāsikh*, *al-mansūkh* dan *al-naskh*; syarat-syarat *al-nasakh*; indikasi (penunjuk) baiknya penggantian beberapa syari'at; penggantian sesuatu sebelum dikerjakan; dianggap baik pula adanya peenggantian dalam bidang ibadah; dan lain-lain.³

– Pembahasan *al-ijmā'* (kesepakatan para mujtahid)

Pembahasan dalam bab ini meliputi: indikasi bahawa *al-ijmā'* dapat dijadikan hujah; pembahasan *al-ittifāq*; *ijmā'* tidak semestinya berlaku pada semua orang; kesepakatan ahli zaman; topik kesepakatan yang dapat dijadikan hujah dan yang tidak dapat dijadikan hujah;

¹ Ibid, h. 292 dst.

² Ibid, h. 334 dst.

³ Ibid, h. 363 dst.

kesepakatan yang berlaku tentang ijtihad dapatlah dijadikan hujah; bagian-bagian *ijmā'* yang dapat dikecualikan; dan lain-lain.¹

– Pembahasan *al-akhbār* (ḥadīth-hadīth)

Pembahasan dalam bab ini meliputi nama *khavar* (definisi), komponen-komponen serta pembagiannya pada dua bagian, yaitu *khavar* yang benar dan *khavar* yang bohong; *Khavar-khavar* yang diketahui kebenarannya, yang diketahui kebohongannya, serta yang tidak diketahui kebenaran dan kebohongannya; penjelasan tentang adanya ilmu pengetahuan tentang *khavar-khavar*; syarat-syarat terdapat ilmu tentang *khavar mutawātir*; *khavar wāḥid* tidaklah memerlukan ilmu pengetahuan; dan lain-lain.²

– Pembahasan *al-qiyās* (analogi) dan *al-ijtihād*

Pembahasan dalam bab ini meliputi: *al-amārāt* dan hukum-hakamnya; apa itu *al-qiyās*; akal tidaklah dapat menganggap buruk amalan ibadah yang menggunakan *al-qiyās*; apakah boleh Nabi SAW menggunakan ijtihad ?; apakah boleh orang yang satu zaman dengan Nabi SAW menggunakan *qiyās* dan ijtihad ?; adakah *qiyās* itu diperintahkan oleh agama ?; syarat-syarat *qiyās* serta hal-hal yang dapat mengesahkan ataupun merosakkannya; dan lain-lain.³

¹ Ibid, Juz II, h. 3 dst.

² Ibid, h. 73 dst.

³ Ibid, h. 189 dst.

- Pembahasan *al-ḥaẓar* (larangan) dan *al-ibāḥah* (kebolehan)

Pembahasan dalam bab ini meliputi: sebelum datang syari'ah, sama ada sesuatu itu dilarang atau diperbolehkan; penetapan hukum syari'ah melalui metode tertentu; pembahasan tentang *istiṣḥāb al-ḥāl*; hal-hal yang dapat diketahui dengan dalil-dalil akal dan hal-hal yang dapat diketahui dengan dalil-dalil *syara'*; dibolehkannya Nabi kedua menggunakan syari'ah Nabi pertama; dan lain-lain.¹

- Pembahasan *al-muftī* (Pemberi fatwa) dan *al-mustaftī* (Penerima fatwa)

Pembahasan dalam bab ini meliputi: sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh seorang *muftī*; tata cara fatwa yang akan disampaikan oleh *muftī*; permintaan fatwa ulama' oleh orang awam; syarat-syarat mohon fatwa serta kewajiban pihak penerima fatwa; ketidakbolehan orang awam *bertaqlīd* dalam masalah pokok agama; adakah seorang mujtahid boleh *bertaqlīd* pada mujtahid lain; membenaran terhadap para mujtahid; dan lain-lain.²

- Tambahan / Suplementari

Tambahan daripada kitab induk, iaitu *al-Umad*, yang dilakukan oleh Imam Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī mengandungi beberapa topik pembahasan, di antaranya: hukum-hakam *syar'ī*; batasan *al-ḥaqīqah* dan *al-majāz*; dan lain-lain.

Selain daripada itu, dalam lampiran ini, Imam Abū al-Ḥusayn memasukkan dua topik pembahasan besar, iaitu:

¹ Ibid, h. 315 dst.

² Ibid, h. 357 dst.

- Pembahasan tentang *nāsikh* dan *mansūkh*
- Pembahasan tentang analogi *syara'* (*qiyās syar'i*).¹

2.1.2. Kitab *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*

(البرهان في أصول الفقه)²

Penyusun kitab ini ialah Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik bin 'Abdillāh bin Yūsuf Bin Muḥammad bin Abdillāh bin Ḥayawīyyah al-Juwaynī Imām al-Ḥaramayn³ (w. 478 H).

Kitab *al-Burhān* ini merupakan salah satu kitab usul fiqh terpenting dalam mazhab Mutakallimīn. Ibn Khaldūn (w. 808 H) dalam kitab *Muqaddimah*-nya berkata:

“Antara kitab paling bagus yang ditulis dalam mazhab Mutakallimīn ialah kitab *al-Burhān* karya Imam al-Ḥaramayn, kitab *al-Mustasfā* karya imam al-Ghazālī (keduanya daripada mazhab *Asy'ariyyah*), kitab *al-'Ahd* karya 'Abd al-Jabbār dan *al-Mu'tamad* karya Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī (keduanya daripada mazhab *Mu'tazilah*). Keempat-empat kitab inilah yang merupakan induk ilmu usul fiqh”.⁴



¹ Ibid, h. 401 dst.

² C. 1. (1997 M), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

³ Diberi gelaran Imam al-Ḥaramayn (Imam dua tanah haram) kerana beliau sempat mengajar, memberi fatwa serta menyusun kitab di sekitar dua tanah haram Makkah dan Madinah selama lebih kurang 4 tahun. Beliau mendapat aliran ilmu usul fiqh daripada gurunya, Abū al-Qāsim al-Askāfī al-Isfirāyīnī (w. 452 H) di madrasah *al-Bayhaqī* sebelum merantau ke Baghdad dan Hijaz (Makkah dan Madinah). (Lihat: Syihāb al-Dīn Abū al-Falāḥ 'Abd al-Ḥayy bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn al-'Imād al-Hanbalī (1998 M), *Syadharāt al-Dhahab fī Akhbār man Dhahab (Dirāsah wa Taḥqīq Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr Aṭā)*. C. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jūz IV, h. 57 ; Abū al-'Abbās Syams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Khallikān (t.t.), *Wafiyāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān (Taḥqīq al-Duktūr Iḥsān 'Abbās)*. Beirut: Dār Ṣādir. Jūz III, h. 168).

⁴ Yang lebih benar mungkin kitab *al-'Umad* bukan *al-'Ahd*, sebagaimana penyebutan *al-'Umad* telah diulang-ulangkan oleh Abū al-Ḥusayn dalam kitab *syarḥ* (penjelasan)nya, iaitu kitab *al-Mu'tamad*.

⁵ 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Khaldūn al-Ḥaḍramī al-Maghribī (1999 M), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. C.1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī. Jūz II, h. 455.

a) Metodologi Penulisan Kitab *al-Burhān*

Sebagai seorang pakar dalam bidang sastera (sasterawan), Imam al-Ḥaramayn sering menggunakan bahasa ataupun ungkapan-ungkapan sastera dalam penulisan kitab *al-Burhān* ini. Bahasa-bahasa ilmiah beliau gunakan ketika memasuki pembahasan tentang, misalnya, subjek ilmu pengetahuan beserta cabang-cabangnya, sumber-sumbernya serta matlamat-matlamat mempelajarinya.

Dalam pembahasan tentang ilmu pengetahuan, Imam al-Ḥaramayn selalu memperhatikan secara teliti dan cermat tentang batasan-batasan definisi serta hakikat. Hal ini sekiranya mudah diungkap kandungan hakikat daripada pokok pembahasan tersebut. Sebaliknya jika dianggap sukar kerana terdapat bilangan cabang-cabang dalam satu topik pembahasan, maka Imam al-Ḥaramayn mengadakan pembahagian-pembahagian untuk menjelaskan hakikat daripada topik pembahasan. Penggunaan metode seperti ini diungkapkan sendiri oleh beliau dalam pendahuluan kitab.¹

Adapun metodologi selengkapnya dalam penulisan kitab ini dapat dipaparkan secara amnya seperti yang berikut :

- Dalam penulisan kitabnya, Imam al-Ḥaramayn memperhatikan kualiti setiap topik yang akan dikaji. Maksudnya, pembahasan tajuk kajian usul fiqh dilakukan sesuai dengan tema dan topik yang akan diklasifikasi secara terperinci dan sistematik. Klasifikasi yang dilakukannya tidāk sama antara satu topik dengan topik yang lain, mengikut jenis topik serta

¹ Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik bin 'Abdullāh bin Yūsuf al-Juwaynī, Imām al-Ḥaramayn (1997 M), *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh (Ta'liq wa Takhrij Ṣalāh bin Muḥammad bin 'Ariḍah)*. C. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz 1, h. 7.

kandungan pembahasan yang dimiliki. Faktor lain yang diperhatikan dalam klasifikasi tersebut adalah watak dan kondisi topik serta perbezaan para ulama' usul mengenai pokok pembahasan dalam setiap topik.

Jika sekiranya topik pembahasan yang akan dikaji dianggap mudah difahami, maka Imam al-Ḥaramayn memulai dengan kenyataan topik, kemudiannya dipaparkan pendapat-pendapat ulama' usul beserta dalil-dalil yang digunakannya dan ditutup dengan mengemukakan pendapat terpilih antara pendapat-pendapat yang telah dipaparkan. Metode pemaparan seperti ini tercermin, misalnya, dalam pembahasan tentang lafaz *amar* (arahan) yang berlaku secara mutlak.¹

Sebaliknya, jika topik pembahasan yang akan dilakukan dianggap sukar, maka Imam al-Ḥaramayn terlebih dahulu memberikan penjelasan tentang contoh daripada topik pembahasan yang sedang dikaji. Kemudiannya beliau memaparkan pendapat-pendapat ulama' usul serta dalil-dalil yang dikemukakan. Kemudian ditutup dengan penjelasan tentang pendirian beliau sendiri tentang masalah berkenaan. Hal demikian ini sepertimana dibuktikan dalam pembahasan tentang "pengalihan lafaz *muṭlaq* kepada pengertian lafaz *muqayyad*".²

- Imam al-Ḥaramayn melakukan pengkajian yang sempurna serta pemahaman yang mendalam terhadap pelbagai pendapat dalam mazhab yang berbeza-beza. Selain itu, beliau juga cuba mengenal lebih dalam lagi pandangan sahabat-sahabat semazhabnya tanpa sebarang tekanan daripada luar. Dengan demikian, beliau tidak memihak kepada mana-

¹ Ibid, h. 71 dst.

² Ibid, h. 158 dst.

mana pendapat mazhab, selain kepada kebenaran yang diyakini. Sebaliknya, beliau sedia mengambil pendapat dari pelbagai mazhab sebelum merangkumi dan mengumpulkan aspek keutamaannya masing-masing. Hal demikian ini sepertimana terdapat dalam pembahasan tentang *al-'umūm*, *al-khuṣūṣ*, *al-qiyās*, dan lain-lain¹

- Imam al-Ḥaramayn mengambil kira pendapat para penentangannya daripada kalangan mazhab *Mu'tazilah* dan lain-lain. Dalam kaitan ini beliau membela mazhab *al-Nazzām* dalam perkara bahawa ḥadīth *āḥād* itu mengandungi ilmu pengetahuan secara pasti. Dengan demikian tidaklah disyaratkan bilangan perawi tertentu dalam ḥadīth *mutawātir*. Sebab menurut mazhab ini ḥadīth *āḥād* walaupun diriwayatkan satu orang, misalnya, masih memungkinkan mengandungi kebenaran jika disertai indikasi ataupun tanda-tanda (قرينة).²

Bahkan kadang-kala Imam al-Ḥaramayn mengkritik para ulama' usul yang keterlaluan dalam menentang pendapat orang lain. Dalam kaitan ini beliau menyebelahi *Abū Bakr al-Daqqāq* (w. 392 H) yang telah pun bersetuju tentang keberadaan *maṣhūm al-Laqaḥ*. Dalam kaitan ini al-Daqqāq sebelumnya telah dibidas oleh para ulama' usul yang menentang keberadaan *maṣhūm al-laqaḥ*. Bahkan mereka menuduh al-Daqqāq sebagai orang yang tidak berilmu pengetahuan.³

- Pemaparan dialog dalam kitab ini-dilakukan secara bebas tanpa sebarang kecenderungan berpihak kepada mazhab-mazhab tertentu, sama ada berkenaan dengan pendapat ulama' terdahulu (*mutaqaddimīn*) ataupun ulama' terkini (*muta'akhkhirīn*). Contohnya, dalam masalah implikasi

¹ Ibid, Juz I, h. 111 dst.; Juz II, h. 6 dst.

² Ibid, Juz I, h. 217 & 220.

³ Ibid, h. 168 & 175.

hukum *al-amr* (arahan) yang dikhususkan kepada *mukhāṭab*, Imam al-Ḥaramayn mendiskusikan secara terbuka antara pendapat mazhab *Mu'tazilah* dengan pendapat Qāḍī Abū Bakr al-Bāqillānī (w. 403 H) daripada mazhab *Ahl al-sunnah wa al-jamā'ah*. Dalam bahagian akhir, Imam al-Ḥaramayn mengkritik pendapat Qāḍī Abū Bakr al-Bāqillānī serta menyokong pendapat *Mu'tazilah*. Dalam kaitan ini beliau berkata: "Dapat disimpulkan daripada perdebatan tersebut bahawa pendapat yang terpilih adalah pendapat mazhab *Mu'tazilah*".¹

- Dalam setiap topik pembahasan, Imam al-Ḥaramayn selalu menghindari huraian masalah yang terlalu umum. Sebaliknya, beliau berusaha memberikan batasan-batasan tertentu. Bahkan sekiranya pembatasan itu masih dianggap agak luas beliau mengklasifikasi lagi dalam pembahagian-pembahagian lebih kecil lagi. Contoh konkritnya adalah ketika Imam al-Ḥaramayn memaparkan perdebatan tentang pertentangan antara ḥadīth *āḥād* dengan keputusan sahabat nabi. Dalam kaitan ini, Imam Mālik mendahulukan keputusan sahabat dari ḥadīth *āḥād* manakala Imam al-Syāfi'ī berpendapat sebaliknya. Setelah menghuraikan dalil-dalil Imam al-Syāfi'ī, Imam al-Ḥaramayn kemudiannya mengklasifikasi lagi masalah ini ke dalam bahagian-bahagian masalah lebih terperinci sehingga perdebatan tentang masalah tersebut dapat dipaparkan secara menyeluruh dan sempurna.²
- Penyusunan topik-topik dalam kitab ini dilakukan secara *mawḍū'ī*, iaitu mengikut tema dan topik yang relevan dalam setiap tahap pembahasan. Imam al-Ḥaramayn pula mempunyai perhatian yang tinggi terhadap

¹ Ibid, h. 94 - 95.

² Ibid, Juz II, h. 189 dst.

hubungan masing-masing topik, baik antara topik yang sedang dibahas dengan topik sebelumnya ataupun dengan topik yang sesudahnya.

Masalah-masalah yang kurang penting dan kurang populer dalam topik pembahasan beliau letak di bahagian akhir topik bersama-sama dengan masalah lain yang relevan. Contoh dalam hal ini ialah pernyataan beliau bahawa setelah selesai membahas tentang penunjuk lafaz-lafaz seperti *al-naṣṣ*, *al-zāhir*, *al-amr*, *al-nahy*, *al-'umūm*, *al-khuṣūṣ*, *al-manṭūq*, *al-maṣhūm*, *al-mujmal* dan *al-mufassar* beliau kemudiannya mengakhiri dengan pembahasan yang relevan dengannya iaitu pembahasan tentang *al-ta'wīlāt*¹ dan pembahasan tentang *af'āl al-rasūl* (perbuatan-perbuatan Rasul)².

- Imam al-Ḥaramayn mempunyai perhatian khusus terhadap topik-topik tertentu memandangkan pentingnya topik tersebut dalam hal penggalan hukum-hakam ataupun proses pembentukan syari'ah. Ini sepertimana ditunjukkan dalam pembahasan topik *al-qiyās*. Dalam topik ini Imam al-Ḥaramayn menghuraikan secara luas dan panjang lebar. Ketika memulakan pembahasan tentang *al-qiyās* beliau berkata:

"Qiyās adalah hubungan erat ijtihad dan menjadi sumber rasional ataupun pendapat. Daripada qiyās inilah ilmu fiqh beserta komponen-komponen syari'ah berkembang dan mempunyai bahagian-bahagian. Qiyās dapat melahirkan kemerdekaan, terbukti dengan adanya peristiwa-peristiwa hukum yang terperinci tanpa sebarang ujung akhir".³

- Dalam setiap masalah yang dibahas, Imam al-Ḥaramayn mempunyai sikap dan pendirian sendiri. Ini menunjukkan kebebasan serta pemahaman beliau yang mendalam terhadap setiap masalah yang

¹ Ibid, Juz I, h. 193.

² Ibid, h. 181.

³ Ibid, Juz II, h. 3.

diperdebatkan di kalangan para ulama' usul. Kenyataan seperti ini sepertimana terdapat dalam ungkapan-ungkapan beliau yang sering diulang-ulang dalam setiap pembahasan, iaitu seperti: "*pendapat yang benar menurut saya adalah....*", "*pendapat yang terpilih adalah....*", "*metode yang benar menurut saya adalah....*" dan lain-lain.

b) Kandungan Kitab *al-Burhān*

Pembahasan dalam kitab ini mengandungi beberapa topik utama sepertimana dapat dipaparkan berikut ini:

– Pendahuluan

Pembahasan dalam pendahuluan ini mengandungi penjelasan tentang maksud pembinaan ilmu usul fiqh, definisi usul fiqh serta ilmu yang dijadikan sumber rujukan ilmu usul fiqh. Dalam pendahuluan ini dipaparkan pula pembahasan ilmu kalam berkenaan dengan *al-taḥsīn* (التحسين), *al-taqbīl* (التقييل), *al-taklīf* (التكليف), sumber-sumber ilmu, dalil-dalil *aqlī* serta penerapannya pada ilmu.¹

– Bahagian I: Pembahasan *Al-Bayān* (Penjelasan)

Dalam bahagian ini dibahas tiga topik pembahasan tentang *al-bayān*, iaitu :

- Pengertian *al-bayān*
- Peringkat-peringkat *al-bayān*

¹ Ibid, Juz I, h. 3 dst.

- Mengakhirkan *al-bayān* daripada tempat lafaz semula hingga masa yang diperlukan.¹

Secara lebih terperinci lagi kemudiannya dikaji beberpa topik pembahasan seperti yang berikut ini :

- Pembahasan tentang الأوامر (arahan-arahan)
 - Pembahasan tentang النواهي (larangan-larangan)
 - Pembahasan tentang lafaz-lafaz umum dan khusus
 - Pembahasan tentang perbuatan-perbuatan Rasul
 - Pembahasan tentang syari'ah-syari'ah lepas
 - Pembahasan tentang التأويلات (beberapa takwil)
 - Pembahasan tentang الأخبار (ḥadīth-ḥadīth).²
- Bahagian II:
Pembahasan *Al-Ijmā'* (Konsensus)

Ada tiga topik penting yang diuraikan dalam pembahasan *al-ijmā'* (konsensus) ini, iaitu :

- Gambaran terjadinya *al-ijmā'*.
- Kewujudan *al-ijmā'* sebagai hujah (dalil).
- Beberapa jalan yang menunjukkan bahawa *al-ijmā'* dapat dijadikan hujah.³

Setelah pembahasan ketiga-tiga topik di atas, pembahasan lebih terperinci berikutnya adalah seperti yang berikut:

- Sifat-sifat dan bilangan pihak yang menggunakan *al-ijmā'*
- Masa yang sesuai bagi terjadinya *al-ijmā'*

¹ Ibid, h. 39 dst.

² Ibid, h. 61 dst.

³ Ibid, h. 259 – 264.

- Aspek terjadinya *al-ijmā'*, sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan atau diam.
 - Objek terjadinya *al-ijmā'*.¹
- Bahagian III:
Pembahasan *Al-Qiyās* (Analogi)

Dalam pembahasan ini Imam al-Haramayn memaparkan pentingnya *al-qiyās* dalam syari'ah Islam. Baginya, *al-qiyās* merupakan asal daripada rasional yang mempunyai kaitan penting dengan ijtihad. Bermula daripada *al-qiyās* inilah, hukum Islam (fiqh) muncul bercabang-cabang dan komposisi syari'ah dapat diklasifikasi.² Lebih jauh lagi pembahasan tentang *al-qiyās* ini dikembangkan menjadi beberapa sub bahagian seperti yang berikut :

- Substansi *al-Qiyās* (ماهية القياس)
 - Pembahasan *al-qiyās* sama ada diterima atau tidak
 - Pembahasan tentang penggunaan *al-qiyās*
- Pembahagian-pembahagian pemikiran syari'ah (النظر الشرعي)
- Pembahagian-pembahagian 'illah dan *uṣūl* (pokok)
- Beberapa Tentangan (الإعترضات) serta pembahagian-nya.
 - Beberapa tentangan yang benar
 - Beberapa tentangan yang salah.³

Pembahasan *al-qiyās* ini kemudian ditutup dengan pemaparan topik tentang susunan kata (المركبات).⁴

¹ Ibid, h. 264 – 280.

² Ibid, Juz II, h. 3.

³ Ibid, h. 5 dst.

⁴ Ibid, h. 155 – 160.

- Bahagian IV:
Pembahasan *Al-Istidlāl* (penggunaan dalil)

Dalam pembahasan ini diuraikan definisi *al-istidlāl*, dilanjutkan dengan perbezaan persepsi para ulama' tentang hal ini.¹ Berikutnya diuraikan pula tentang pembahasan-pembahasan seperti yang berikut:

- Kriteria mengenai apa yang berlaku *istidlāl* di dalamnya
- Pertentangan dalam proses *istidlāl* itu sendiri
- Huraian tentang *istiṣhāb al-ḥāl*.²

- Bahagian V:
Pembahasan *Al-Tarjīh* (Menguatkan Salah Satu Pendapat)

Pembahasan ini berkisar pada pengertian *al-tarjīh* serta *al-ta'arūḍ*, iaitu terjadinya pertentangan antara dua teks atau lebih yang kemudiannya memerlukan proses seleksi melalui mekanisme *al-tarjīh*. Bukan hanya *al-tarjīh* antara teks-teks yang saling bertentangan yang diuraikan dalam bab ini, tetapi pula *al-tarjīh* antara beberapa hasil *al-qiyās* yang saling bertentangan.³ Pada bahagian akhir, diuraikan pula masalah *naskh*, iaitu penggantian satu teks dengan teks yang lain.⁴

2.1.3. Kitab *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl* (المستصفى من علم الأصول)⁵

Penyusun kitab ini ialah al-Imām Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī Abū Ḥāmid al-Ghazālī (w. 505 H). Beliau

¹ Ibid, h. 161 – 168.

² Ibid, h. 169 – 173.

³ Ibid, h. 175 dst.

⁴ Ibid, h. 246 – 257.

⁵ C. I. (t.t.), Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

yang pernah berguru pada Imām al-Ḥaramayn ini kemudian dikenali dengan gelaran *Ḥujjah al-Islām*.

Dalam mazhab Mutakallimīn, kitab *al-Mustasfā* merupakan salah satu kitab induk selain kitab *al-Mu'tamad* dan *al-Burhān* sebelumnya. Keutamaan kitab *al-Mustasfā* adalah dari segi masa penyusunannya dilakukan terakhir sekali dibandingkan kitab-kitab induk yang lain. Dengan demikian kitab ini merupakan punca kematangan dari segi substansi masalah yang dibahasakan ataupun sistematika pembahasan yang dilakukan.

Kehadiran kitab *al-Mustasfā* boleh dikatakan istimewa kerana kitab ini merupakan kumpulan daripada pendapat-pendapat Qāḍī Abū Bakr al-Bāqillānī. Qāḍī al-Bāqillānī adalah seorang Imam daripada ulama' usul dalam mazhab Mutakallimīn yang karya-karya usul fiqhnya tidak sampai kepada kita. Oleh itu, al-Ghazālī mempunyai peranan besar dalam membentangkan pemikiran Qāḍī al-Bāqillānī kepada khalayak ramai, sebagaimana Abū al-Ḥusayn sebelumnya berjaya pula membentangkan pemikiran Qāḍī 'Abd al-Jabbār al-Mu'tazilī dalam kitab *al-Mu'tamad*.¹

a) Metodologi Penulisan Kitab *al-Mustasfā*

Dalam membentangkan pembahasan dalam kitab ini al-Ghazālī sering memfokuskan pada makna-makna, kebebasan perbezaan pendapat serta pembatasan terhadap masalah perbezaan pendapat itu sendiri. Dalam kaitan ini al-Ghazālī menjelaskan permasalahan, sama ada perbezaan itu setakat verbal sahaja sehingga tidak menjejaskan pada peringkat hukum cabang,

¹ Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *al-Fikr al-Uṣūlī: Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*, h. 326 – 327.

atau sebaliknya, perbezaan tersebut substansial sehingga mempunyai kesan perbezaan pula pada hukum-hukum di peringkat cabang.

Menurut al-Ghazālī, orang yang mencari makna lafaz secara langsung akan sia-sia bagaikan orang membelakangi arah barat lalu mencari arah barat. Sebaliknya, orang yang mencari makna dengan pengolahan melalui akal kemudian makna tersebut disesuaikan dengan lafaz maka dia akan mendapatkan petunjuk.¹

Dengan memberikan perhatian khusus pada pembahasan makna inilah, kemudiannya kitab *al-Mustasfā* ini dikenali oleh para ulama' usul sebagai karya yang mengedepankan penelitian masalah dan kebebasan berdialog. Realiti seperti ini tidak mudah ditemui dalam karya lain. Hal sedemikian kerana kebanyakan daripada mereka kurang memperhatikan medan dialog komprehensif kerana mereka tidak sampai pada pembahasan makna-makna secara mendalam.

Dalam sistematika penulisan kitab ini, al-Ghazālī mengumpamakan pembahasan usul fiqh dengan sebuah pokok yang sedang berbuah yang mana pemiliknya berusaha memetik buah dengan cara-cara yang benar. Dalam kaitan ini, hukum-hukum seperti *wājib*, *sunnah*, *makrūh* dan lain-lain diibaratkan buah yang masak. Dalil-dalil seperti *al-Qur'ān*, *al-Ḥadīth* dan *al-Ijmā'* diumpamakan dengan pokok yang sedang berbuah. Sedangkan aspek penunjuk lafaz kepada makna-ataupun hukum-hakamnya diibaratkan dengan cara atau proses agar sebuah pokok dapat berbuah. Manakala seorang Mujtahid diumpamakan dengan orang yang berusaha melakukan proses untuk berbuah.

¹ Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t.), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. C. 1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī. Juz I, h. 30.

Dengan demikian, terdapat 4 komponen usul fiqh menurut Imam al-Ghazālī, iaitu :

1. Hukum-hakam. Memulai pembahasan dengan topik tentang hukum adalah lebih utama kerana hukum-hakam tersebut ibarat buah yang ingin dicapai.
2. Dalil-dalil *al-Qur'ān*, *al-Hadīth* dan *al-Ijmā'*. Hal ini merupakan urutan kedua terpenting untuk dikaji kerana dalil-dalil ini diibaratkan dengan pokok yang berbuah.
3. Segi-segi penunjuk lafaz kepada hukum yang dimaksud, seperti pembahasan tentang *manṭūq*, *mafḥūm* dan lain-lain. Yang ini diumpamakan dengan cara dan proses agar pokok dapat berbuah.
4. Pembahasan tentang Mujtahid (pelaku *istinbāt* hukum) yang diibaratkan dengan orang yang melakukan proses agar pokok dapat berbuah.¹

Komponen-komponen di atas dipaparkan dalam bentuk bahagian dan sub-bahagian serta disusun secara rapi dan sistematik sehingga ada kaitan peristiwa antara penyebutan suatu bahagian dengan bahagian yang sebelum dan sesudahnya. Hal seperti ini ditunjukkan, misalnya, ketika al-Ghazālī menempatkan pembahasan tentang *naskh* (penggantian hukum) setelah pembahasan *al-Qur'ān* dan sebelum pembahasan *al-Sunnah*.

Dalam kaitan tersebut, al-Ghazālī berkata bahawa biasanya pembahasan tentang *naskh* dilakukan setelah pembahasan *al-Sunnah* kerana *naskh* boleh berlaku pada kedua-dua *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Akan tetapi dalam kitab *al-Mustasfā* ini tidak demikian kerana ada dua pertimbangan:

¹ Ibid, h. 17 – 18.

Pertama: Kerumitan pembahasan tentang *naskh* justeru terdapat dalam kalam Allah, iaitu *al-Qur'ān*. **Kedua:** Pembahasan tentang *al-Sunnah* amatlah panjang dan luas kerana berkaitan pula dengan pembahasan tentang jalan sampainya *al-Sunnah* daripada Nabi kepada kita. Oleh sebab itulah, pembahasan tentang *nasakh* dilakukan setelah pembahasan *al-Qur'ān* (bukan setelah *al-Sunnah*) adalah lebih utama.¹

Secara umum, al-Ghazālī dalam penulisan kitab *al-Mustasfā* berusaha untuk menjadikan kitab tersebut sebagai karya monograf ilmu usul fiqh yang bebas dan tersendiri, sama ada dalam aspek metodologi yang digunakan ataupun dalam segi kandungan topik yang dibahas. Hal yang demikian ini dapat dilihat dalam paparan berikut ini:

- Al-Ghazālī berusaha memurnikan pembahasan usul fiqh daripada unsur-unsur pembahasan ilmu lain seperti ilmu *manṭiq* (logik), ilmu *kalām* (tawhīd) dan lain-lain. Sekiranya watak pembahasan yang dikaji tidak dapat dielakkan ada hubungannya dengan ilmu-ilmu lain, maka al-Ghazālī pun tetap membahasnya tetapi secara minima sahaja serta diikuti dengan penjelasan bahawa pembahasan tersebut tidaklah termasuk dalam kategori ilmu usul fiqh.

Di sebalik usaha pemurnian pembahasan usul fiqh di atas, al-Ghazālī hidup pada masa yang mana berlaku pergolakan pemikiran yang menyebabkan dia tidak mungkin mengelak sama sekali daripada membahaskan ilmu-ilmu lain. Namun al-Ghazālī tetap berusaha meminimalkan pembahasan tersebut setakat pada hal-hal yang jelas kegunaannya pada khalayak ramai, seperti pembahasan tentang hakikat

¹ Ibid, h. 105 - 106.

ilmu, renungan (*al-naẓar*), dalil serta pembahagian-pembahagian dan hujah-hujahnya.¹

- Al-Ghazālī berusaha menempatkan setiap pembahasan usul fiqh sesuai dengan bab-bab yang asal. Tidak dapat dielakkan bahawa sebahagian pembahasan mempunyai multi-dimensi sehingga mesti dimasukkan dalam beberapa bab yang berbeza-beza. Dalam kaitan ini al-Ghazālī memasukkan pembahasan tersebut pada bab yang paling dekat kaitan peristiwanya.

Ini sepertimana ditunjukkan, misalnya, dalam pembahasan tentang نسخ الوجوب (mengganti hukum wajib). Al-Ghazālī memasukkan pembahasan ini dalam topik tentang pembahagian hukum-hakam, bukan dalam topik tentang *nasakh*. Dalam kaitan ini al-Ghazālī berpandangan bahawa pembahasan tentang نسخ الوجوب tersebut lebih sesuai ditempatkan pada pokok pembahasan hukum-hakam kerana titik masalah yang dikaji ada pada kategori hakikat *wājib* atau *jā'iz*, bukan pada hakikat *nasakh* itu sendiri.²

- Sebagai salah satu kitab induk dalam mazhab usul fiqh Mutakallimīn, pembahasan dalam kitab ini sengaja dihindarkan daripada masalah-masalah cabang fiqh, yang mana hal ini merupakan ciri khas mazhab Mutakallimīn.

Dalam kaitan ini al-Ghazālī berkata:

"Usul fiqh tidak membahaskan masalah-masalah (cabang) sebagaimana ia juga tidak membahaskan contoh-contoh masalah. Sebaliknya objek pembahasan ilmu usul fiqh adalah masalah pokok, seperti al-Qur'ān, al-Hadīth al-Ijmā', serta syarat-syarat sah dan berlakunya dalil-dalil tersebut. Kemudian juga segi-segi penunjuknya (pada makna) sama ada

¹ Ibid, h. 20.

² Ibid, h. 75.

dari segi bahasa, pemahaman lafaz ataupun rasionaliti lafaz (analogi) tanpa sebarang pembahasan tentang masalah-masalah khas (cabang fiqh). Dengan demikian inilah dapat dibezakan antara usul fiqh dengan masalah fiqh".¹

- Al-Ghazālī kelihatan bertolak ansur dalam memperhatikan berbagai pendapat sejauh ia boleh ditelaah serta dapat diterima oleh akal. Sebagai contoh, pembahasan tentang البيان (penjelasan). Kebanyakan ulama' usul enggan memberikan penilaian korektif terhadap pendapat Imam al-Syāfi'ī tentang pengertian dan pembahagian البيان. Ini berbeza dengan apa yang dilakukan al-Ghazālī dalam kitab *al-Mustasfā*. Ketika menghuraikan البيان beliau membentangkan pelbagai pendapat tentang pengertian البيان, walaupun pada bahagian akhir beliau memilih pendapat Qāḍī al-Bāqillānī bahawa البيان sama dengan الدليل.²

b) Kandungan Kitab *al-Mustasfā*

Secara umum, pembahasan dalam kitab *al-Mustasfā* mengandungi topik-topik utama sepertimana dapat dipaparkan di bawah ini :

— Pendahuluan

Dalam bab pendahuluan ini Imam al-Ghazālī menyoroti tentang pembahagian ilmu; pengertian usul fiqh; hubungan usul fiqh dengan ilmu-ilmu lain; kandungan kitab yang terdiri daripada 4 bahagian besar; subordinasi cabang-cabang ilmu ke dalam 4 bahagian besar tersebut; serta penjelasan tentang kaitan pendahuluan dengan isi usul fiqh.³

¹ Ibid, h. 15.

² Ibid, h. 238.

³ Ibid, h. 13 – 20.

- Bahagian I:
Pembahasan tentang hukum-hakam

Ibarat sebuah pokok, hukum-hakam dalam kitab ini disamakan dengan buah. Pembahasan dalam bab hukum-hakam ini dibahagi kepada 4 sub bahagian, iaitu:

- Hakikat hukum
 - Masalah baik dan buruk dalam perbuatan
 - Masalah bersyukur pada zat pencipta
 - Masalah hukum perbuatan sebelum datangnya syari'ah.¹
- Pembahagian-pembahagian hukum
 - Pembahagian wajib pada *mu'ayyan* dan *mubham*.
 - Pembahagian wajib pada *muḍayyaq* dan *muwassa'*.
 - Masalah hukum orang yang mati mengejut ketika mahu melakukan sembahyang.
 - Masalah sesuatu yang membuat hukum wajib tidak dapat sempurna kecuali dengannya.
 - Masalah hukum interaksi perempuan-perempuan yang telah berkahwin dengan perempuan-perempuan lain.
 - Masalah hukum wajib yang tidak dikenali.
 - Masalah hakikat *wujūb* dan *jawāz*.
 - Masalah *jawāz* yang tidak āda perkara di dalamnya.
 - Masalah adakah hukum *mubāḥ* itu termasuk syari'ah.
 - Masalah perbezaan antara hukum *mandūb* dengan hukum *mubāḥ*.
 - Masalah wajib itu bukanlah haram.

¹ Ibid, h. 59 – 67.

- Masalah *al-wahīd bi al-ta'yīn*
- Masalah pertentangannya hukum makruh dan wajib
- Masalah sah sembahyang di tempat yang *dighaṣab*
- Masalah adakah arahan terhadap sesuatu itu merupakan larangan terhadap lainnya.¹
- Rukun-rukun hukum
 - Masalah adakah orang lupa itu termasuk *mukallaf*?
 - Masalah perintah Allah SWT di zaman *azālī*
 - Masalah adakah jenis perbuatan yang dibebankan pada orang *mukallaf* itu mesti sesuatu yang mungkin berlaku ?
 - Masalah mengumpulkan dua perkara yang saling berlawanan.
 - Masalah apa yang diminta oleh *taklīf*.
 - Masalah adakah orang yang dipaksa itu termasuk *mukallaf*?
 - Masalah arahan dengan *syarāṭ* dan *masyrūt*.²
- Sebab-musabab berlakunya hukum
 - Sebab-sebab 
 - Menyifati sebab dengan sah, batal dan rosak
 - Menyifati ibadah dengan *adā'*, *qaḍā'* dan *i'ādah*
 - Al-'Azīmah dan al-Rukhṣah.³
- Bahagian II:
Pembahasan tentang dalil-dalil hukum

Ibarat sebuah pokok yang berbuah, dalil-dalil ini disamakan dengan pokoknya. Pembahasan dalam bab ini dibahagi pula kepada empat sub bahagian, iaitu:

¹ Ibid, h. 67 – 83.

² Ibid, h. 83 – 92.

³ Ibid, h. 92 – 98.

- Dalil Kitāb Allāh (*al-Qur'ān*)
 - Hakikat al-Qur'ān
 - Batasan definisi al-Qur'ān
 - Lafaz-lafaz al-Qur'ān
 - Hukum-hakam al-Qur'ān.¹
 - Dalil Sunnah Rasul (*al-Hadīth*)
 - Pembahasan hadīth *mutawātir*
 - Pembahasan hadīth *āḥād*.²
 - Dalil *Ijmā'* (Kesepakatan Para Mujtahid)
 - Menetapkan kehujahan *ijmā'* kepada pihak-pihak yang mengingkarinya.
 - Penjelasan tentang rukun-rukun *ijmā'*.
 - Hukum *ijmā'*.³
 - Dalil Akal dan *istiṣhāb*
 - Masalah *istiṣhāb al-ijmā'*.
 - Masalah adakah bagi *al-nāfi'* (pihak yang menafikan perkara) itu mesti mengemukakan dalil ?⁴
- Bahagian III:
Pembahasan tentang cara pembentukan hukum

Ibarat sebuah pokok, pembahasan ini boleh diibaratkan dengan bagaimana cara-cara agar pokok itu dapat berbuah. Pembahasan dalam topik ini dibahagi kepada tiga sub-bahagian, iaitu:

¹ Ibid, h. 99 – 128.

² Ibid, h. 128 – 170.

³ Ibid, h. 171 – 197.

⁴ Ibid, 197 – 223.

- Susunan kata serta cara berdalil dengan aspek bahasa
 - Pengantar tentang bahasa
 - Adakah nama-nama bahasa dapat menetapkan *qiyās* ?
 - Nama-nama adat resam (الأسماء العرفية)
 - Nama-nama *syar'ī* (الأسماء الشرعية)
 - Perkataan yang berguna (الكلام المفيد)
 - Cara memahami maksud perkataan
 - *Al-Ḥaḡīqah* dan *al-Majāz*.¹
- Apa yang dapat diambil daripada lafaz dari segi *al-faḥwā* dan *al-isyārah*
 - Apa yang dinamakan *iqtidā'*
 - Apa yang dapat diambil daripada *isyārah al-lafẓ*
 - Memahami *al-ta'līl* daripada meng-*idafah*-kan *al-ḥukm* kepada *al-waṣf al-munāsib*
 - Memahami *ghayr al-manṭūq bihī* daripada *al-manṭūq*
 - Pembahasan *al-mafhūm*.²
- Cara-cara pembentukan hukum daripada lafaz
 - Penetapan *qiyās*
 - Cara penetapan *illah* bagi hukum asal dan cara mendirikan *dalālah* kepada kesahihan satuan-satuan *qiyās*.
 - *Qiyās al-Syabah*.
 - Rukun-rukun *qiyās* serta syarat-syarat bagi setiap rukun.³

¹ Ibid, h. 223 (Juz I) – 71 (Juz II).

² Ibid, Juz II, h. 72 – 96.

³ Ibid, h. 96 – 169.

- Bahagian IV:
Pembahasan tentang pihak yang berusaha mengadakan pembentukan hukum

Ibarat sebuah pokok, bahagian keempat ini boleh diumpamakan dengan orang yang berusaha mengadakan proses berbuah bagi sebuah pokok secara maksima. Dalam kaitan ini, seorang mujtahidlah yang selalu berusaha mengembangkan hukum-hakam daripada sumber-sumber asalnya.

Pembahasan dalam bab ini diklasifikasi menjadi tiga sub-bahagian, iaitu:

- *Ijtihād*
 - Definisi *ijtihād*
 - Syarat-syarat *ijtihād*
 - Masalah *ijtihād* pada masa Rasulullah SAW masih hidup
 - Masalah bolehkah Rasulullah SAW berijtihād dalam persoalan hukum yang tiada teks-nya.
 - Masalah menentang *ahl al-kitāb* pada Islam.
 - Masalah ijtihād dalam masalah-masalah *aqliyyāt*.
 - Masalah dosa Mujtahid dalam hukum-hakam cabang.
 - Masalah salah dan benar dalam *ijtihād*.
 - Masalah pertentangan dua dalil.
 - Masalah menarik balik hasil ijtihād
 - Masalah wajibnya berijtihād dan haramnya bertaqlīd bagi seorang Mujtahid.¹
- *Taqlīd, istiftā'* dan hukum orang awam
 - Definisi *taqlīd*

¹ Ibid, h. 170 – 201.

- Masalah *taqlīd*nya orang awam kepada ulama'
- Masalah fatwā para ulama' kepada orang awam
- Masalah berbilangannya ulama' untuk menjawab soalan yang dikemukakan orang awam.¹
- *Tarjīh* ^ج dan cara penyelesaian mujtahid ketika menghadapi pertentangan dalil-dalil.
 - Penjelasan tentang urutan dalil-dalil
 - Hakikat pertentangan
 - Dalil wajibnya *tarjīh*.²

2.2. Metode Penulisan Kitab Usul Fiqh Mazhab Ahnāf

2.2.1. Kitab *Taqwīm al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh* (تقويم الأدلة في أصول الفقه)³

Kitab ini ditulis oleh Abū Zayd 'Ubayd Allāh⁴ bin 'Umar bin 'Īsā al-Dabūsī (w. 432 H). Al-Dabūsī merupakan nisbah kepada kampung *Dabūsiyyah* yang terletak antara Bukhārā dan Samarqand. Imam al-Dabūsī adalah salah satu tokoh ulama' Ḥanafīyyah yang mula-mula mengasas ilmu perbezaan pendapat (علم الخلاف).⁵

Kitab *Taqwīm al-Adillah* merupakan kitab usul fiqh mazhab Ahnāf yang mempunyai kaedah penulisan dan susunan bahasa yang istimewa.

Dalam penulisan kitab ini al-Dabūsī berusaha membina kaedah-kaedah usul

¹ Ibid, h. 201 – 205.

² Ibid, h. 205 – 216.

³ C. I. (2001 M), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

⁴ Dalam sebahagian kitab *tarjamah al-a'lām* tertulis 'Abd Allāh, bukan 'Ubayd Allāh. (Lihat: Ibn Khallikān, *Wafiyāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, Juz III, h. 48 ; 'Umar Riḍā Kaḥḥālāh (t.t.), *Mu'jam al-Mu'allifin Tarājīm Muṣannifi al-Kutub al-'Arabīyyah*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, Juz VI, h. 96).

⁵ Lihat: Ibn Khallikān, *Wafiyāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, Juz III, h. 48.

fiqh yang bersumberkan fatwa-fatwa Imam dalam mazhab Ḥanafī. Dengan demikian kandungan usul fiqh dalam kitab ini tidak lain merupakan himpunan pendapat-pendapat Imam terdahulu.

a) Metodologi Penulisan Kitab *Taqwīm al-Adillah*

Secara lebih dalam, metodologi penulisan kitab ini dapat dipaparkan dalam beberapa pokok huraian seperti yang berikut ini :

- Pembahasan tentang dalil-dalil ataupun hujah-hujah dipaparkan secara sistematik dan dialogik. Pembahasan tentang *ḥujjah syar'īyyah* didahulukan atas pembahasan tentang *ḥujjah 'aqliyyah* kerana pembahasan yang pertama tersebut lebih jelas berbanding pembahasan yang kedua.

Dalam kaitan ini, al-Dabūsī mengibaratkan *syara'* bagaikan cahaya siang, manakala akal diumpamakan dengan cahaya api dan hati diibaratkan dengan mata. Maka kadang kala mata tidak boleh melihat cahaya lampu tetapi boleh melihat ketika terbit matahari. Sebab itulah, bagi al-Dabūsī, dalil *syar'ī* lebih terang berbanding dalil *'aqlī*.¹

Dalam pembahasan dalil *syar'ī*, al-Dabūsī memasukkan beberapa tema pembahasan dalil yang dianggapnya mengelirukan, seperti *al-taqlīd* (التقليد)², *al-ilhām* (الإلهام)³, *istiṣḥāb al-ḥāl* (استصحاب الحال)⁴ dan *al-ṭard* (الطرد)⁵. Daripada tema ini kemudiannya al-Dabūsī beralih pada tema-tema lain yang mempunyai kaitan langsung dengan tema

¹ Abū Zayd 'Ubayd Allāh bin 'Umar bin 'Isā al-Dabūsī al-Ḥanafī (2001 M), *Taqwīm al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh* (Taqdīm wa Taḥqīq al-Syaykh Khalīl Muḥy al-Dīn al-Mays: Mudīr Azhar Lubnān). C. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 19.

² Ibid, h. 389 dst.

³ Ibid, h. 392 dst.

⁴ Ibid, h. 400 dst.

⁵ Ibid, h. 402.

sebelumnya. Seperti pembahasan tentang sifat-sifat seorang Mujtahid¹ serta pembahasan tentang kelayakan (الأهلية)². Manakala pembahasan tentang dalil-dalil *aqlī* dilakukan pada bahagian akhir pembahasan dalam kitab.

Dengan demikian, huraian tentang dalil-dalil dalam kitab ini dilakukan oleh al-Dabūsī secara komprehensif dan sistematik serta bersesuaian antara tema yang satu dengan tema yang lainnya. Ini sesuai dengan tajuk kitab yang diberikan, iaitu *Taqwīm al-Adillah* yang memberi erti meluruskan dan merapikan dalil-dalil.

- Pada setiap akhir pembahasan, al-Dabūsī selalu mendefinisikan istilah-istilah usul fiqh khususnya yang berkenaan dengan kandungan tajuk dalam setiap tema pembahasan. Dalam hal ini beliau mula-mula memberikan batasan pengertian tentang istilah usul tersebut. Kemudian dilanjutkan dengan penjelasan dan analisis beserta contoh-contohnya.

Sekiranya terdapat aspek-aspek kesepakatan antara para ulama' di satu pihak dan aspek-aspek perbezaan di antara mereka di pihak lain, al-Dabūsī mendahulukan ulasan tentang aspek kesepakatan sebelum dilanjutkan dengan ulasan pelbagai pendapat ulama' serta segi-segi persamaan antara pelbagai pendapat yang berbeza.

Pada peringkat awal, al-Dabūsī selalu memaparkan ulasannya secara umum sebelum dilanjutkan dengan ulasan terperinci berikut pelbagai cara pandang serta sistem penggunaan dalil (استدلال) mereka dalam setiap tema pembahasan. Pada bahagian akhir al-Dabūsī memaparkan pandangannya sendiri terhadap setiap aspek perbezaan

¹ Ibid, h. 407.

² Ibid, h. 417.

yang dipaparkan serta mengkritik pemaparan masalah yang kurang lengkap dan analisis yang kurang sempurna.

- Sebagai pakar usul bermazhab Ahnāf, Al-Dabūsī mempunyai perhatian khusus terhadap cabang-cabang fiqh. Pemaparan cabang-cabang fiqh dimaksudkan sebagai contoh bagi setiap masalah usul fiqh yang akan dikemukakan. Huraian setiap bahagian fiqh dilakukan secara terperinci dan analitikal. Terkadang pula terhadap huraian tersebut dilakukan studi banding dengan tema-tema lain secara bersiri.¹
- Al-Dabūsī memberikan tempat yang sewajarnya bagi perdebatan dan perbezaan pendapat. Beliau cuba memperbaiki tempat perbezaan sekiranya tema yang diperdebatkan bukan pada tempatnya dan dalil-dalil yang dikemukakan kurang wajar.

Sebagai contoh, perdebatan tentang tema قضاء العبادات (mengqadak ibadah). Sebahagian ulama' berpendapat tidak wajib mengqadak ibadah kecuali ada *naş* tersendiri. Dalil mereka adalah memandangkan perkara yang ditinggalkan itu merupakan ibadah maka tidak boleh diqadak (diganti) kecuali dengan ibadah pula. Dan sesuatu itu dikatakan ibadah apabila ada *naşnya* tersendiri.

Berkaitan perdebatan di atas, al-Dabūsī memberikan pandangan bahawa perdebatan seperti itu tidaklah perlu. Yang terpenting untuk dikaji adalah sama ada ibadah itu disyariatkan untuk masa tertentu. Sekiranya demikian halnya, menurut al-Dabūsī, wajib hukumnya mengqadak ibadah memandangkan Allah SWT mewajibkan qadak

¹ Lihat tema tentang *al-Adā'* & *al-Qadā'*, h. 87 dst.

dalam sembahyang dan puasa pada masa yang sudah diketahui sebagai sebab disyariatkannya sembahyang dan puasa itu sendiri.¹

- Al-Dabūsī selalu cuba melakukan penafsiran serta mengkaji 'illah (sebab) bagi hukum-hukum *kullī* dan masalah-masalah *fiqhiyyah* yang dikemukakan. Hal yang sedemikian ini diberi nama *ḥikmah al-tasyrī'* yang mengandungi pembahasan tentang falsafah hukum Islam ataupun beberapa 'illah hukum.

Dalam kaitan tersebut, dalam setiap pembahasan tentang hukum al-Dabūsī selalu memaparkan pengertian dan pemahaman yang rasional sehingga dapat ditelaah dengan mudah oleh setiap pembaca. Hal yang demikian ini dapat ditunjukkan, misalnya, dalam pembahasan tentang ضمان الإلتلاف (ganti rugi terhadap kerosakan).²

- Al-Dabūsī mempunyai perhatian khusus terhadap nukilan pendapat-pendapat para Imam terdahulu dalam mazhab Aḥnāf beserta penjelasan tentang sikap mereka terhadap setiap masalah yang dikaji dalam suatu pembahasan. Sama ada pendapat itu berkenaan dengan individu ataupun merupakan pendapat orang ramai (kolektif).

Pada bahagian akhir, al-Dabūsī selalunya membuat pilihan untuk menentukan mana-mana pendapat yang dianggap sahih menurut penilaiannya. Hal ini sebagaimana terdapat dalam perdebatan tentang *hadīth masyhūr* di kalangan para ulama' mazhab Aḥnāf.³

- Al-Dabūsī tidak setakat menghimpun pendapat-pendapat Imam dalam mazhab Aḥnāf, tetapi juga berusaha memberikan penilaian sama ada pendapat itu sahih atau tidak menurut pandangannya. Dalam kaitan ini,

¹ Ibid, h. 87.

² Ibid, h. 93.

³ Ibid, h. 211 - 213.

al-Dabūsī tidak segan-segan memberikan pandangan dan kritik terhadap Imam pendahulunya, Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ al-Rāzī (w. 370 H), tentang pengertian lafaz umum.

Menurut al-Jaṣṣāṣ, lafaz umum ialah lafaz yang mempunyai sekumpulan makna. Bagi al-Dabūsī pengertian seperti ini tidaklah benar, sebab al-Jaṣṣāṣ sendiri dalam pembahasan sesudahnya berpendapat bahawa lafaz *al-musytarak* tidak mempunyai aspek keumuman. Padahal lafaz *al-musytarak* mempunyai dua atau lebih makna. Dengan demikian, menurut al-Dabūsī, lafaz yang umum adalah lafaz yang mempunyai satu makna tetapi komprehensif.¹

- Dalam mendiskusikan persoalan usul fiqh, al-Dabūsī menerapkan prinsip kebebasan berfikir berkenaan dengan pendapat-pendapat yang berkembang. Apa yang menjadi dasar beliau adalah autoriti dalil-dalil yang dikemukakan. Beliau menyokong pendapat para ulama' sekiranya pendapat mereka disertai dalil yang kuat. Sebaliknya, beliau ada kalanya berbeza pendapat dengan kebanyakan ulama' dan berpegang pada pendapatnya sendiri sekiranya dalil yang digunakan mereka dianggap lemah.

b) Kandungan Kitab *Taqwīm al-Adillah*

Topik-topik utama yang dibahas dalam kitab ini diklasifikasi dalam bentuk bab (الباب), pasal atau sub-bab (الفصل) dan pembicaraan (القول). Adapun perincian topik-topik utama dalam kitab setebal 468 halaman ini dapat dipaparkan secara berurutan seperti yang berikut :

¹ Ibid, h. 94.

- Pembicaraan tentang nama-nama bagi pelbagai jenis *al-hujjah*.¹
- Pembicaraan tentang macam-macam *al-hujjah*.²
- Pembicaraan tentang macam-macam *al-hujjah al-syar'iyah*.³
- Pembicaraan tentang batasan al-Qur'ān dan ianya sebagai hujah.⁴
- Pembicaraan tentang batasan *ḥadīth mutawātir* dan ianya sebagai hujah.⁵
- Pembicaraan tentang *ijmā'* sebagai hujah.⁶
- Pembicaraan tentang batasan *ijmā'*.⁷
- Pembicaraan tentang macam-macam *ijmā'*.⁸
- Pembicaraan tentang macam-macam perkataan (*al-takallum*) serta tafsirannya.⁹
- Pembicaraan tentang hukum arahan-arahan (*al-awāmir*) secara mutlak.¹⁰
- Pembicaraan tentang arahan berbuat sesuatu: adakah perbuatan itu wajib diulang-ulang ?.¹¹
- Pembicaraan tentang sifat kelayakan perkara yang diarahkan (*al-ma'mūr bih*).¹²
- Pembicaraan tentang kemutlakan arahan, kaitannya dengan kelayakan perkara yang diarahkan.¹³
- Pembicaraan tentang arahan berbuat wajib: bagaimana implikasi hukum kebalikannya ?.¹⁴

¹ Ibid, h. 13.

² Ibid, h. 18.

³ Ibid, h. 19.

⁴ Ibid, h. 20.

⁵ Ibid, h. 22.

⁶ Ibid, h. 23.

⁷ Ibid, h. 28.

⁸ Ibid, h. 31.

⁹ Ibid, h. 34.

¹⁰ Ibid, h. 36.

¹¹ Ibid, h. 40.

¹² Ibid, h. 44.

¹³ Ibid, h. 47.

¹⁴ Ibid, h. 48.

- Pembicaraan tentang hukum larangan (*al-nahy*).¹
- Sub-bab tentang pendapat-pendapat berkenaan dengan pengulangan melakukan larangan.²
- Sub-bab tentang penjelasan *illah* wajibnya melakukan larangan.³
- Pembicaraan tentang sifat keburukan perkara yang dilarang serta hukumnya.⁴
- Pembicaraan tentang hukum larangan mutlak serta pembahagiannya.⁵
- Pembicaraan tentang penjelasan sebab-sebab *syari'ah*.⁶
- Sub-bab tentang sebab wajib zakat.⁷
- Pembicaraan tentang beberapa ibadah.⁸
- Sub-bab tentang masa.⁹
- Sub-bab bahawa setiap masa mempunyai hukum.¹⁰
- Sub-bab tentang sebahagian hukum bagi masa haji.¹¹
- Pembicaraan tentang kedudukan apa-apa yang disyari'atkan serta penjelasan hukum-hukumnya.¹²
- Pembicaraan tentang *al-'azimah* dan *al-rukhsah*.¹³
- Pembicaraan tentang *al-adā'* dan *al-qaḍā'*.¹⁴
- Pembicaraan tentang nama-nama lafaz berkenaan dengan jangkauannya terhadap perkara-perkara yang diberi nama.¹

¹ Ibid, h. 49.

² Ibid, h. 50.

³ Ibid, h. 50.

⁴ Ibid, h. 52.

⁵ Ibid, h. 54.

⁶ Ibid, h. 61.

⁷ Ibid, h. 63.

⁸ Ibid, h. 67.

⁹ Ibid, h. 67.

¹⁰ Ibid, h. 68.

¹¹ Ibid, h. 70.

¹² Ibid, h. 77.

¹³ Ibid, h. 81.

¹⁴ Ibid, h. 87.

- Hukum *al-musytarak*.²
- Bab tentang pembahasan *al-‘ām* jika dikhususkan sebahagiannya.³
- Bab tentang penjelasan lafaz-lafaz umum.⁴
- Bab tentang pembahasan nama-nama yang jelas (*al-asmā’ al-zāhirah*) tetapi berbeza-beza peringkat kejelasannya masing-masing.⁵
- Bab tentang pembahasan macam-macam penggunaan *al-kalām*.⁶
- Bab tentang pembahasan macam-macam perkara yang meninggalkan aspek hakikat lafaz tanipa sebarang pertentangan.⁷
- Pembicaraan tentang macam-macam hukum yang diperoleh daripada *naş* yang jelas, bukan *qiyās* yang menggunakan akal.⁸
- Sub-bab tentang *al-kalām* yang bersamaan dengan pengecualian (*al-istithna’*).⁹
- Bab tentang pembahasan cara memahami kalam yang mutlak.¹⁰
- Bab tentang pembahasan pelbagai hujah yang diperbolehkan dalam syari‘ah.¹¹
- Bab tentang pembahasan ayat yang *di-ta’wīl*.¹²
- Bab tentang pembahasan *khavar wāhīd*.¹³
- Bab tentang pembahasan macam-macam perawi hadith (*al-mukhbīrūn*).¹⁴

¹ Ibid, h. 94.

² Ibid, h. 104.

³ Ibid, h. 105.

⁴ Ibid, h. 110.

⁵ Ibid, h. 116.

⁶ Ibid, h. 119.

⁷ Ibid, h. 127.

⁸ Ibid, h. 130.

⁹ Ibid, h. 149.

¹⁰ Ibid, h. 160.

¹¹ Ibid, h. 168.

¹² Ibid, h. 169.

¹³ Ibid, h. 170.

¹⁴ Ibid, h. 175.

- Bab tentang pembahasan macam-macam perkara yang boleh menggunakan *khbar wāḥid* sebagai hujah.¹
- Bab tentang pembahasan macam-macam perawi yang boleh diterima periwayatannya.²
- Bab tentang pembahasan syarat-syarat perawi.³
- Bab tentang pembahasan batasan-batasan syarat.⁴
- Bab tentang pembahasan periwayatan dengan tulisan serta penjelasan tentang kriteria-nya.⁵
- Bab tentang pembahasan kriteria *matan* ḥadīth dan memindahkan ḥadīth secara makna sahaja.⁶
- Bab tentang pembahasan penilaian terhadap *khbar wāḥid* setelah ianya dinyatakan muktamad daripada Rasulullah SAW secara *musnad* dan *mursal*.⁷
- Bab tentang pembahasan pembohongan ḥadīth dari segi perawinya.⁸
- Bab tentang pembahasan macam-macam bilangan ḥadīth yang boleh diamalkan.⁹
- Bab tentang pembahasan macam-macam *ḥadīth saḥīḥ*.¹⁰
- Bab tentang pembahasan *al-mu'āraḍah*: tafsiran, rukun, syarat serta hukumnya.¹¹

¹ Ibid, h. 177.

² Ibid, h. 180.

³ Ibid, h. 184.

⁴ Ibid, h. 185.

⁵ Ibid, h. 191.

⁶ Ibid, h. 194.

⁷ Ibid, h. 196.

⁸ Ibid, h. 201.

⁹ Ibid, h. 205.

¹⁰ Ibid, h. 207.

¹¹ Ibid, h. 214.

- Bab tentang pembahasan mengelakkan pertentangan antara beberapa *naṣ*.¹
- Bab tentang pembahasan *al-bayān*.²
- Bab tentang pembahasan *al-nasakh*: tafsiran dan kebolehan nya.³
- Bab tentang pembahasan macam-macam *al-nasakh*.⁴
- Bab tentang pembahasan hukum-hukum yang mungkin di-*nasakh* dan yang tak mungkin di-*nasakh*.⁵
- Bab tentang pembahasan perkara yang boleh *menasakh*.⁶
- Bab tentang pembahasan perbuatan-perbuatan Nabi SAW.⁷
- Bab tentang pembahasan syari'ah Nabi jika berhadapan dengan rasional.⁸
- Bab tentang pembahasan syari'a sebelum Nabi kita.⁹
- Bab tentang pembahasan *taqlīd* pada Sahabat Nabi dan Tābi'in.¹⁰
- Sub-bab tentang perkataan-perkataan Sahabat Nabi jika bertentangan satu dengan yang lain.¹¹
- Bab tentang pembahasan *al-qiyās*.¹²
- Bab tentang pembahasan macam-macam pihak yang menafikan *al-qiyās*.¹³

¹ Ibid, h. 217.

² Ibid, h. 221.

³ Ibid, h. 227.

⁴ Ibid, h. 231.

⁵ Ibid, h. 235.

⁶ Ibid, h. 239.

⁷ Ibid, h. 247.

⁸ Ibid, h. 249.

⁹ Ibid, h. 253.

¹⁰ Ibid, h. 256.

¹¹ Ibid, h. 258.

¹² Ibid, h. 260.

¹³ Ibid, h. 277.

- Bab tentang pembahasan perkara-perkara yang mesti diketahui berkenaan dengan *al-qiyās*.¹
- Bab tentang pembahasan syarat-syarat *al-qiyās*.²
- Bab tentang pembahasan rukun '*illah*'.³
- Bab tentang pembahasan hukum '*illah*'.⁴
- Bab tentang pembahasan nama-nama yang mesti dimiliki sebagai komponen *al-qiyās*.⁵
- Bab tentang pembahasan *al-uṣūl*: adakah ia *reasonable* (boleh masuk akal) atau tidak ?.⁶
- Bab tentang pembahasan *al-waṣf* serta keberadaannya sebagai *illah* yang mesti digunakan.⁷
- Bab tentang pembahasan penggunaan hujah “ketiadaan dalil”.⁸
- Bab tentang pembahasan bilangan pengguna-pengguna hujah “ketiadaan dalil”.⁹
- Bab tentang pembahasan kritik yang benar terhadap *illah-illah* yang berpengaruh.¹⁰
- Bab tentang pembahasan kesahihan *al-mumāna* '*ah*'.¹¹
- Bab tentang pembahasan *al-qalb* dan *al-ʿaks* (kebalikan).¹²
- Bab tentang pembahasan *al-mawānī* '.¹³

¹ Ibid, h. 278.

² Ibid, h. 279.

³ Ibid, h. 292.

⁴ Ibid, h. 294.

⁵ Ibid, h. 300.

⁶ Ibid, h. 301.

⁷ Ibid, h. 304.

⁸ Ibid, h. 319.

⁹ Ibid, h. 324.

¹⁰ Ibid, h. 327.

¹¹ Ibid, h. 329.

¹² Ibid, h. 331.

¹³ Ibid, h. 334.

- Bab tentang pembahasan macam-macam *al-mu'āradāt al-ṣaḥīḥah wa al-fāsīdah*.¹
- Bab tentang pembahasan *al-tarjīḥ*.²
- Bab tentang pembahasan *al-munāqaḍah*.³
- Bab tentang pembahasan kesahihan kritik terhadap *al'ilal al-ṭardiyyah*.⁴
- Bab tentang pembahasan *mūjib al-'illah*.⁵
- Bab tentang pembahasan *al-mumāna'āt*.⁶
- Bab tentang pembahasan rosaknya *al-waḍ'u*.⁷
- Bab tentang pembahasan *al-munāqaḍah*.⁸
- Bab tentang pembahasan *al-ṭard* yang rusak secara zahirnya.⁹
- Bab tentang pembahasan aspek-aspek *al-intiqāl*.¹⁰
- Bab tentang pembahasan perbezaan antara *al-'illah*, *al-sabab*, *al-syarat* dan *al-'alāmah*.¹¹
- Bab tentang pembahasan macam-macam *al-sabab*.¹²
- Sub-bab tentang *al-sabab* yang menjadi *'illah*-nya *'illah*.¹³
- Sub-bab tentang *al-sabab* yang menjadi *'illah*-nya hukum.¹⁴
- Bab tentang pembahasan jenis-jenis *'illah* yang dianggap oleh syara'.¹⁵
- Bab tentang pembahasan jenis-jenis *al-syarat*.¹⁶

¹ Ibid, h. 336.

² Ibid, h. 339.

³ Ibid, h. 349.

⁴ Ibid, h. 352.

⁵ Ibid, h. 353.

⁶ Ibid, h. 356.

⁷ Ibid, h. 360.

⁸ Ibid, h. 364.

⁹ Ibid, h. 366.

¹⁰ Ibid, h. 369.

¹¹ Ibid, h. 371.

¹² Ibid, h. 373.

¹³ Ibid, h. 378.

¹⁴ Ibid, h. 379.

¹⁵ Ibid, h. 382.

¹⁶ Ibid, h. 384.

- Bab tentang pembahasan jenis-jenis *al-‘alāmah*.¹
- Bab tentang pembahasan nama-nama hujah yang menyesatkan.²
- Bab tentang pembahasan macam-macam *al-taqlīd* serta perkara-perkara yang boleh dibuat hujah ataupun tidak.³
- Bab tentang pembahasan *al-ilhām*.⁴
- Bab tentang pembahasan macam-macam *istiṣhāb al-ḥāl*.⁵
- Bab tentang pembahasan macam-macam *al-ṭard*.⁶
- Bab tentang pembahasan *al-istiḥsān*: pengertian bahasa serta hukumnya.⁷
- Bab tentang pembahasan sifat-sifat *mujtahid* yang boleh memberikan fatwa hukum.⁸
- Bab tentang pembahasan *mujtahid* yang salah.⁹
- Bab tentang pembahasan kecekapan manusia memikul *amānah*.¹⁰
- Bab tentang pembahasan masa berkuat kuasanya *al-khiṭāb* menurut *syara’*.¹¹
- Bab tentang pembahasan perkara-perkara yang boleh menggugurkan hak-hak kerana uzur seperti budak kecil.¹²
- Sub-bab tentang penjelasan hak-hak Allah yang sememangnya gugur daripada asalnya.¹³

¹ Ibid, h. 387.

² Ibid, h. 388.

³ Ibid, h. 389.

⁴ Ibid, h. 392.

⁵ Ibid, h. 400.

⁶ Ibid, h. 402.

⁷ Ibid, h. 404.

⁸ Ibid, h. 407.

⁹ Ibid, h. 415.

¹⁰ Ibid, h. 417.

¹¹ Ibid, h. 420.

¹² Ibid, h. 421.

¹³ Ibid, h. 421.

- Bab tentang pembahasan masa sah perkataan budak kecil secara *syara'*.¹
- Bab tentang pembahasan masa wajib memperbaharui hukum-hukum *syara'*.²
- Bab tentang pembahasan uzur-uzur yang dapat menggugurkan hukum wajib setelah baligh.³
- Bab tentang pembahasan *al-hujjah al-'aqliyyah*.⁴
- Sub-bab tentang penggunaan hujah akal yang dianggap mencukupi.⁵
- Sub-bab tentang *al-istidlāl* sebelum datang *syara'*.⁶
- Bab tentang pembahasan *dalālah-dalālah*-nya akal.⁷
- Bab tentang pembahasan apa-apa yang diperbolehkan oleh akal untuk kehidupan dunia, bukan untuk agama secara pasti.⁸
- Bab tentang pembahasan kewajiban-kewajiban akal menurut agama.⁹
- Bab tentang pembahasan apa-apa yang diharamkan oleh akal secara pasti untuk kehidupan dunia.¹⁰
- Bab tentang pembahasan apa-apa yang diharamkan oleh akal secara pasti untuk agama.¹¹
- Bab tentang pembahasan apa-apa yang diperbolehkan oleh akal secara *jā'iz* untuk kehidupan dunia.¹²

¹ Ibid, h. 428.

² Ibid, h. 431.

³ Ibid, h. 433.

⁴ Ibid, h. 442.

⁵ Ibid, h. 444.

⁶ Ibid, h. 444.

⁷ Ibid, h. 448.

⁸ Ibid, h. 449.

⁹ Ibid, h. 451.

¹⁰ Ibid, h. 455.

¹¹ Ibid, h. 456.

¹² Ibid, h. 458.

- Bab tentang pembahasan apa-apa yang disyari'atkan secara *jā'iz* oleh akal, sama ada ketetapanannya ataupun kegugurannya.¹
- Bab tentang pembahasan keadaan-keadaan hati manusia sebelum dan sesudah datangnya ilmu pengetahuan.²

2.2.2. Kitab *Uṣūl Fakhr al-Islām al-Bazdawī* (أصول فخر الإسلام البزدوي)³

Penulis kitab ini ialah 'Alī bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin Mūsā al-Bazdawī (w. 482 H). Beliau kemudiannya diberi gelaran *Fakhr al-Islām* (kebanggaan Islam) kerana kerjaya ilmiahnya yang membanggakan. Kitab ini menjadi perhatian utama ulama' Ḥanafīyyah sebagai bahan kajian ilmu usul fiqh.

Pada perkembangan berikutnya, ramai kalangan penulis mengembangkan ataupun meringkas buku ini menjadi sebuah karangan yang menarik untuk dikaji. 'Alā' al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin Aḥmad al-Bukhārī (w. 704 H) antara yang paling berjaya menyusun kitab yang berisi penjelasan (*syarah*) terhadap kitab *Uṣūl al-Bazdawī* ini. Dalam kitab syarah yang diberi nama *Kasyf al-Asrār* ini, al-Bukhārī berjaya memberi huraian dan penjelasan secara komprehensif dan teliti terhadap kandungan kitab *Uṣūl al-Bazdawī*.

¹ Ibid, h. 462.

² Ibid, h. 465.

³ Kitab ini termaktub di tepi kitab *syarah*-nya iaitu kitab *Kasyf al-Asrār* (1995 M), C. 2. Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthah li al-Tibā'ah wa al-Nasyr. Sedangkan tajuk kitab dikenali pula dengan: كنز الوصول إلى معرفة الأصول (Lihat: Ismā'il Bāsyā al-Baghdādī (t.t.), *Hadiyyah al-'Arifin: Asmā' al-Mu'allifin wa Athār al-Muṣannifin*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, Juz I, h. 693).

a) Metodologi Penulisan Kitab *Uṣūl al-Bazdawī*

Secara amnya, penulisan kitab usul ini dilakukan secara ringkas dan padat. Ini sepertimana dikatakan Imam al-Bazdawī sendiri bahawa kitabnya ini disusun untuk menjelaskan naṣ-naṣ beserta maknanya, pengertian usul beserta cabang-cabangnya dengan menggunakan susunan kata yang ringkas dan padat.¹ Dengan demikian, corak penulisan kitab ini berbeza dengan kitab-kitab usul lain yang pernah muncul sebelumnya.

Walaupun demikian, bukan bererti bahawa tutur bahasa yang digunakannya mudah difahami. Sebaliknya, dalam penyusunan kitab ini al-Bazdawī menggunakan bahasa yang sukar serta perlu analisis untuk dapat memahami kandungannya. Sebab itu, Imam ‘Abd al-‘Azīz al-Bukhārī ketika berjaya menyusun kitab penjelasan (*syarah*) terhadap kitab usul ini beliau memberinya nama *Kasyf al-Asrār* yang bermaksud: “menyingkap pelbagai rahsia”.

Berkenaan dengan metodologi penulisan, al-Bazdawī menyoroti topik pembahasan usul fiqh dengan menawarkan kaedah-kaedah usul yang telahpun berlaku sedia ada. Dengan demikian kesan yang muncul bahawa al-Bazdawī kurang memberikan ruang dialog dalam hampir semua topik pembahasan yang dikaji, kecuali dalam topik-topik pembahasan tertentu yang mana berlaku perbezaan cukup sengit antara para ulama’ usul terdahulu.

Untuk lebih jelasnya, metodologi penulisan kitab yang digunakan al-Bazdawī dalam kitab ini dapat dipaparkan seperti yang berikut :

¹ ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin Mūsā al-Bazdawī (1995 M), *Uṣūl al-Bazdawī*, dicetak di tepi al-Bukhārī, ‘Alā’ al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad, *Kasyf al-Asrār*. C. 2. Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthah li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr. Juz I, h. 18.

- Pembahagian-pembahagian topik pembahasan dalam kitab ini dilakukan secara sistematis dan *manṭiqī*. Ini dapat terlihat, misalnya, ketika setelah bab pendahuluan, al-Bazdawī membahagi pokok syari'ah kepada empat perkara: al-Qur'ān, al-Sunnah, al-Ijmā' dan al-Qiyās. Setelah itu beliau berkata bahawa hukum-hakam *syara'* yang terdapat dalam *naṣ* hanya dapat diketahui dengan mengkaji susunan-susunan kata serta makna dan pengertian. Lalu diuraikan dalam pembahasan berikutnya tentang aspek bahasa dan pengertian.¹
- Al-Bazdawī selalu menjaga hubungan sebuah topik dengan topik lain, hubungan satu pembahasan dengan pembahasan lain. Dalam kaitan ini al-Bazdawī sering mengakhiri setiap bab pembahasan dengan perenggan khusus sebagai pengantar bagi bab pembahasan berikutnya. Dengan demikian, masing-masing bab pembahasan dalam kitab ini dapat dianggap sebagai satu kesatuan yang saling mempunyai kaitan dan tidak dapat dipisah-pisahkan.

Lagi pula sebelum memasuki inti pembahasan, al-Bazdawī selalu menuliskan rangka untuk memberikan gambaran bagi sub-sub topik pembahasan yang akan dikaji. Sebagai contoh, ketika mahu menguraikan tentang *al-qiyās*, al-Bazdawī terlebih dahulu memberikan gambaran umum bahawa apa yang akan diuraikan mengandungi: 1) pengertian *al-qiyās*, 2) syarat *al-qiyās*, 3) rukun *al-qiyās*, 4) hukum *al-qiyās* dan 5) dorongan *al-qiyās*.²

- Al-Bazdawī berusaha menghindari pengulangan pembahasan dalam setiap bab. Sebagai contoh, dalam pembahasan al-Sunnah banyak

¹ Ibid, h. 19 dst.

² Ibid, Juz III, h. 266.

bilangan sub-topik yang seumpama dengan sub-topik dalam pembahasan al-Qur'ān. Dalam kaitan ini al-Bazdawī tidak mengulangi pembahasan al-Sunnah yang telah-pun dihuraikan dalam pembahasan al-Qur'ān.

Sebaliknya beliau berkata:

"Ketahuilah bahawa Sunnah Nabi itu mengandungi amar, nahy, khās, 'ām dan lain-lain yang telah pun dihuraikan dalam pembahasan sebelumnya. Al-Sunnah tidak lain merupakan cawangan kepada al-Qur'ān. Oleh itu kami tidak akan mengulangi pembahasan yang telah pun dihuraikan sebelumnya dalam pembahasan al-Qur'ān. Pembahasan al-Sunnah ini hanyalah untuk menjelaskan aspek keterkaitannya dengan al-Qur'ān".¹

- Al-Bazdawī memberikan ruang pembahasan yang cukup banyak terhadap hukum-hakam peringkat cawangan (fiqh), khususnya yang berkenaan dengan fatwa-fatwa Imam terdahulu dalam mazhab Aḥnāf. Lebih khusus lagi al-Bazdawī menyoroti lebih banyak pokok-pokok fikiran Imam Muḥammad bin al-Ḥasan (w. 189 H), salah seorang pakar fiqh dalam mazhab Ḥanafī. Ini seperti dapat dibuktikan ketika al-Bazdawī memaparkan pendapat Muḥammad bin al-Ḥasan tentang pentingnya hubungan al-Ḥadīth dengan hukum-hakam peringkat bahagian. Hal yang demikian ini sememangnya menjadi ciri khas kajian usul fiqh mazhab Aḥnāf, yang mana mereka memberikan ulasan kaedah-kaedah usul fiqh dengan berlandaskan kepada hukum-hakam peringkat bahagian (fiqh).²
- Dalam topik pembahasan usul fiqh perbandingan, al-Bazdawī selalu mengkhususkan pendapat Imam al-Syāfi'ī untuk dibandingkan dengan pendapat mazhab Aḥnāf. Hal ini sama dengan apa yang biasa dilakukan para pendahulunya dalam mazhab Aḥnāf. Sebagai contoh adalah apa

¹ Ibid, Juz II, h. 359.

² Ibid, Juz I, h. 17 - 18.

yang dihuraikan al-Bazdawī dalam pembahasan tentang “Mengikut Sahabat-Sahabat Nabi SAW”.

Dalam pembahasan ini, al-Bazdawī memaparkan pendapat mazhab Aḥnāf tentang hukum *taqlīd* (mengikut pendapat) para Sahabat. Kemudiannya beliau membentangkan makalah Imam al-Syāfi‘ī yang mengatakan bahawa hukum *taqlīd* kepada Sahabat Nabi itu tidaklah wajib. Pendapat al-Syāfi‘ī ini tentunya berbeza dengan pendirian mazhab Aḥnāf. Pada bahagian akhir, al-Bazdawī lalu memberikan catatan tentang pendapat Imam al-Syāfi‘ī. Dalam catatan inilah beliau mengunggulkan pendapat mazhab Aḥnāf, seraya berkata bahawa al-Syāfi‘ī telahpun menyia-nyiakan al-Sunnah dan berpaling kepada al-Qiyās. Al-Qiyās yang digunakapun sesungguhnya termasuklah al-Qiyās mengelirukan sehingga apa yang digunakan al-Syāfi‘ī sebenarnya bukan al-Qiyās tetapi *istiṣhāb al-ḥāl*.¹

b) Kandungan Kitab *Uṣūl al-Bazdawī*

Pembahasan dalam kitab *Uṣūl al-Bazdawī* ini mengandungi beberapa topik utama sepertimana dapat dipaparkan berikut ini :

– Pendahuluan

Bab pendahuluan ini mengandungi dua topik pembahasan, iaitu:

1) Ilmu tawḥīd dan sifat-sifat

Dalam pembahasan ilmu tawḥīd, al-Bazdawī menjelaskan pentingnya berpegang teguh pada al-Qur’ān dan al-Ḥadīth, menjauhi

¹ Ibid, Juz III, h. 224.

hawa nafsu dan *bid'ah*, serta mengikuti jalan *al-Sunnah* dan *al-Jamā'ah* yang dilalui oleh para Sahabat dan Tābi'in.¹

Dalam pembahasan ini pula al-Bazdawī menjelaskan bahawa Imam Abū Ḥanīfah (w. 150 H) mempunyai kitab *al-Fiqh al-Akbar* (الفتحة الكبرى) yang membahaskan tentang ilmu aqidah. Dalam kitab inilah posisi aqidah Imam Abū Ḥanīfah dibentangkan. Lebih lanjut al-Bazdawī menolak tuduhan sebahagian ulama' Mu'tazilah yang mengatakan bahawa Imam Abū Ḥanīfah mengikuti aqidah mereka.²

2) Ilmu syari'ah dan hukum-hakam

Dalam pembahasan ilmu syari'ah ini al-Bazdawī membentangkan masalah fiqh berkenaan dengan pembahagian dan pengertiannya. Dalam pembahasan ini, al-Bazdawī memuji mazhab Aḥnāf kerana mereka boleh tergolong sebagai pelopor dalam meletakkan ilmu usul fiqh dibandingkan dengan ulama'-ulama' dari mazhab lain.

Dalam pembahasan ini pula al-Bazdawī menjelaskan bahawa mazhab Aḥnāf mengikuti jalan *al-Sunnah* sekaligus jalan *al-Ma'ānī* ataupun *al-Ra'y* (أصحاب السنة والمعاني). Ini dapat dibuktikan, misalnya, ketika mazhab ini membolehkan mengganti (me-*nasakh*) hukum al-Qur'ān dengan hukum al-Sunnah kerana kuatnya posisi al-Sunnah menurut mereka. Lagi pun mazhab ini membolehkan berpegang dengan ḥadīth *mursal* dan menganggap hal ini lebih utama dari *al-ra'y* (akal).³

Dalam kaitan tersebut, al-Bazdawī memberikan penilaian seimbang antara penggunaan *al-Sunnah* dan *al-Ra'y*. Hal ini

¹ Ibid, Juz I, h. 7.

² Ibid, h. 7 – 11.

³ Ibid. h. 12 –17.

dibuktikannya ketika beliau merujuk pada pendapat salah seorang ulama' Ḥanafiyah, iaitu Muḥammad, bahawa ḥadīth tidak dapat tegak lurus kecuali dengan sokongan akal fikiran. Sebaliknya akal fikiran tidak dapat tegak lurus kecuali dengan bantuan ḥadīth. Dengan demikian orang yang tidak dapat menggunakan kedua-duanya dengan baik maka dia tidak layak memegang jawatan Kadi ataupun Mufti.¹

– Pembahasan al-Qur'ān

Dalam pembahasan ini al-Bazdawī mula-mula mendefinisikan al-Qur'ān sebagai wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW serta dinukil daripada Rasulullah SAW secara *mutawātir* tanpa sebarang keragu-raguan.²

Baginya, untuk dapat mengetahui hukum-hakam syara' haruslah melalui pemahaman bahawa al-Qur'ān merupakan peraturan beserta pengertiannya yang harus diketahui. Dalam hal ini ada empat aspek yang mesti diketahui berkenaan dengan peraturan tersebut, iaitu :

1. Aspek susunan lafaz dan bahasa
2. Aspek penjelasan tentang susunan lafaz dan bahasa
3. Aspek penggunaan susunan lafaz dan bahasa
4. Aspek ketergantungan kepada pengertian yang dimaksud.³

Dalam aspek lafaz dan bahasa ada empat perkara yang diambil sebagai pokok pembahasan, iaitu *al-khāṣ* (الخاص), *al-'ām* (العام), *al-musytarak* (المشترك) dan *al-mu'awwal* (المؤول)

¹ Ibid, h. 17 – 18.

² Ibid., h. 21 – 22.

³ Ibid, h. 26 – 27.

dibuktikannya ketika beliau merujuk pada pendapat salah seorang ulama' Ḥanafīyyah, iaitu Muḥammad, bahawa ḥadīth tidak dapat tegak lurus kecuali dengan sokongan akal fikiran. Sebaliknya akal fikiran tidak dapat tegak lurus kecuali dengan bantuan ḥadīth. Dengan demikian orang yang tidak dapat menggunakan kedua-duanya dengan baik maka dia tidak layak memegang jawatan Kadi ataupun Mufti.¹

— Pembahasan al-Qur'ān

Dalam pembahasan ini al-Bazdawī mula-mula mendefinisikan al-Qur'ān sebagai wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW serta dinukil daripada Rasulullah SAW secara *mutawātīr* tanpa sebarang keragu-raguan.²

Baginya, untuk dapat mengetahui hukum-hakam syara' haruslah melalui pemahaman bahawa al-Qur'ān merupakan peraturan beserta pengertiannya yang harus diketahui. Dalam hal ini ada empat aspek yang mesti diketahui berkenaan dengan peraturan tersebut, iaitu :

1. Aspek susunan lafaz dan bahasa
2. Aspek penjelasan tentang susunan lafaz dan bahasa
3. Aspek penggunaan susunan lafaz dan bahasa
4. Aspek ketergantungan kepada pengertian yang dimaksud.³

Dalam aspek lafaz dan bahasa ada empat perkara yang diambil sebagai pokok pembahasan, iaitu *al-khāṣ* (الخاص), *al-'ām* (العام), *al-musytarak* (المشترك) dan *al-mu'awwal* (المؤول)

¹ Ibid, h. 17 – 18.

² Ibid., h. 21 – 22.

³ Ibid, h. 26 – 27.

Manakala dalam aspek “penjelasan” ada empat perkara pula yang diangkat menjadi topik pembahasan, iaitu *al-zāhir* (الظاهر), *al-naṣ* (النص), *al-mufassar* (المفسر) dan *al-muḥkam* (المحكم).

Untuk dapat mengetahui yang empat ini pun ada keterkaitan dengan empat lawanan, iaitu *al-khafī* (الخفي), *al-musykil* (المشكل), *al-mujmal* (المجمل) dan *al-mutasyābih* (المتشابه).

Sedangkan dalam aspek “penggunaannya” ada empat perkara yang diangkat sebagai topik pembahasan, iaitu *al-ḥaqīqah* (الحقيقة), *al-mjāz* (المجاز), *al-ṣarīḥ* (الصريح) dan *al-kināyah* (الكناية).

Manakala dalam aspek “keterkaitannya dengan pengertian yang dimaksud” terdapat empat topik pembahasan, iaitu *‘ibārah al-naṣ* (عبارة النص), *isyārah al-naṣ* (إشارة النص), *dalālah al-naṣ* (دلالة النص) dan *dalālah al-iqtidā’* (دلالة الإقتضاء).¹

Setelah memaparkan keempat-empat aspek di atas, al-Bazdawī menambah aspek kelima yang mesti diketahui pula untuk dapat mengetahui peraturan al-Qur’ān serta pengertiannya, iaitu :

1. Mengetahui tempat-tempatnya,
2. Mengetahui makna-maknanya.
3. Mengetahui urutannya,
4. Mengetahui hukum-hakamnya.²

– Pembahasan *al-Sunnah*

Dalam pembahasan ini mulanya al-Bazdawī menjelaskan bahawa al-Sunnah merupakan bahagian daripada al-Qur’ān. Oleh itu,

¹ Ibid, h. 28.

² Ibid, h. 28 – 29.

sepertimana al-Qur'ān, al-Sunnah pun terdiri daripada lafaz-lafaz '*ām*, *khāṣ* dan lain-lain pembahagiannya. Justeru al-Bazdawī tidak perlu mengulang lagi pembahasan yang telah-pun dipaparkan dalam pembahasan al-Qur'ān sebelumnya.¹

Pembahasan al-Sunnah ini, sepertimana dikatakan al-Bazdawī sendiri, terdiri daripada perkara-perkara seperti yang berikut :

1. Cara periwayatan ḥadīth daripada Rasulullah SAW kepada kita,
2. Cara terputusnya ḥadīth daripada Rasulullah SAW kepada kita,
3. Penjelasan tentang objek ḥadīth yang dapat dijadikan standard hujah (dalil),
4. Penjelasan tentang substansi ḥadīth itu sendiri.²

Secara lebih terperinci al-Bazdawī membentangkan topik-topik pembahasan al-Sunnah seperti yang berikut :

- Bab tentang ḥadīth *mutawātir*.³
- Bab tentang ḥadīth *masyhūr*.⁴
- Bab tentang ḥadīth *āḥād* / *khābar wāḥid*.⁵
- Bab tentang pembahagian perawi ḥadīth yang dapat dijadikan hujah (dalil).⁶
- Bab tentang syarat-syarat perawi ḥadīth.⁷
- Bab tentang jenis-jenis keterputusan riwayat ḥadīth.⁸
- Bab tentang objek ḥadīth.¹

¹ Ibid, juz II, h. 359.

² Ibid, h. 359 - 360.

³ Ibid, h. 360.

⁴ Ibid, h. 368.

⁵ Ibid, h. 370.

⁶ Ibid, h. 377.

⁷ Ibid, h. 392.

⁸ Ibid, Juz III, h. 2.

- Bab tentang substansi ḥadīth.²
- Bab tentang tulisan.³
- Bab tentang syarat memindah *matan* ḥadīth.⁴
- Bab tentang pembahagian ḥadīth ditinjau dari segi makna.⁵
- Bab tentang terjadinya kesamaran perawi ḥadīth.⁶
- Bab tentang celaan yang menimpa ḥadīth di luar faktor perawi.⁷

— Pembahasan *al-Bayān* (Penjelasan)

Oleh kerana dua sumber pokok syari'ah iaitu al-Qur'ān dan al-Sunnah mempunyai kaitan amat erat dengan penjelasan (البيان), maka al-Bazdawī mengkhususkan huraian البيان ini dalam bab tersendiri dengan perincian seperti yang berikut :

- Penjelasan berupa pengakuan / بيان التقرير.⁸
- Penjelasan berupa interpretasi / بيان التفسير.⁹
- Penjelasan berupa perubahan / بيان التغيير.¹⁰
- Penjelasan berupa darurat / بيان الضرورة.¹¹
- Penjelasan berupa pergantian / بيان التبديل.¹²

Huraian tentang ini kemudiannya diikuti dengan beberapa topik pembahasan lain, seperti :

¹ Ibid, h. 27.

² Ibid, h. 38.

³ Ibid, h. 50.

⁴ Ibid, h. 54.

⁵ Ibid, h. 59.

⁶ Ibid, h. 59.

⁷ Ibid, h. 66.

⁸ Ibid, h. 105.

⁹ Ibid, h. 107.

¹⁰ Ibid, h. 117.

¹¹ Ibid, h. 147.

¹² Ibid, h. 154.

- Perbuatan-perbuatan Nabi.¹
- Pembahagian al-Sunnah dalam hak Nabi.²
- Syari'ah-syari'ah Nabi terdahulu.³
- Mengikuti jejak Sahabat Nabi.⁴

— Pembahasan *al-Ijmā'*

Dalam pembahasan ini al-Bazdawī menghuraikan beberapa topik pembahasan, seperti :

- Rukun-rukun *al-ijmā'*.⁵
- Kecekapan orang yang melakukan *al-ijmā'*.⁶
- Syarat-syarat *al-ijmā'*.⁷
- Hukum *al-ijmā'*.⁸
- Sebab-sebab berlakunya *al-ijmā'*.⁹

— Pembahasan *al-Qiyās*

Beberapa topik pembahasan yang dibentangkan al-Bazdawī dalam pembahasan al-Qiyās ini meliputi beberapa hal berikut :

- a) Penafsiran *al-qiyās*.¹⁰
- b) Syarat-syarat *al-qiyās*.¹¹

¹ Ibid, h. 199.

² Ibid, h. 204.

³ Ibid, h. 212.

⁴ Ibid, h. 217.

⁵ Ibid, h. 226.

⁶ Ibid, h. 236.

⁷ Ibid, h. 243.

⁸ Ibid, h. 251.

⁹ Ibid, h. 263.

¹⁰ Ibid, h. 267.

¹¹ Ibid, h. 301.

- c) Rukun-rukun *al-qiyās*.¹
- d) Ketidadaan dalil / *al-Ṭard*.²
- e) Hukum '*Illah*'.³
- f) Perbezaan *al-qiyās* dengan *al-istihsān*.⁴

– Pembahasan *al-Ijtihād*

Dalam bahagian akhir kitabnya, al-Bazdawī memberi ruang pembahasan tentang *ijtihād*. Adapun aspek yang dikaji ialah berkenaan dengan beberapa keadaan para Mujtahid serta kedudukannya dalam melakukan *ijtihād*.⁵ Terdapat dua sub-topik yang dibahaskan secara terperinci dalam masalah ini, iaitu:

1. Syarat-syarat *ijtihād*

- Mengetahui al-Qur'ān, baik dari segi makna ataupun penunjuknya pada hukum-hakam
- Mengetahui al-Sunnah, baik dari segi *sanad*, *matan* ataupun segi maknanya.
- Mengetahui aspek-aspek *qiyās*.⁶

2. Hukum *ijtihād*

Dalam sub-topik ini diuraikan, sama ada semua Mujtahid itu benar hasil kerjaya *ijtihād*nya atau hanya salah satu daripada mereka sahaja yang benar.¹

¹ Ibid, h. 344.

² Ibid, h. 365.

³ Ibid, h. 389.

⁴ Ibid, Juz IV, h. 2.

⁵ Ibid, h. 14.

⁶ Ibid, h. 15.

Dalam pembahasan terakhir ini pula al-Bazdawī menghuraikan pembahasan-pembahasan lebih kecil dan spesifik seperti yang berikut ini:

- Bab tentang rosaknya pengkhususan beberapa ‘illah.²
- Bab tentang aspek penolakan ‘illah.³
- Bab tentang *al-mumāna‘ah*.⁴
- Bab tentang *al-mu‘āraḍah*.⁵
- Bab tentang segi-segi penolakan *al-munāqaḍah*.⁶
- Bab tentang *al-tarjīḥ*.⁷
- Bab tentang segi-segi penolakan *al-‘ilal al-ṭardiyyah*.⁸
- Bab tentang pembahagian *al-intiqāl*.⁹
- Bab tentang pembahagian *al-ithbāt*, *al-‘ilal* dan *al-syurūṭ*.¹⁰
- Bab tentang pembahagian *al-sabab*.¹¹
- Bab tentang pembahagian *al-‘illah*.¹²
- Bab tentang pembahagian *al-syarṭ*.¹³
- Bab tentang *al-‘aql*.¹⁴
- Bab tentang *al-ahliyyah*.¹⁵
- Bab tentang *ahliyyah al-adā’*.¹⁶

¹ Ibid, h. 16 dst.

² Ibid, h. 32.

³ Ibid, h. 43.

⁴ Ibid, h. 49.

⁵ Ibid, h. 50.

⁶ Ibid, h. 69.

⁷ Ibid, h. 76.

⁸ Ibid, h. 103.

⁹ Ibid, h. 130.

¹⁰ Ibid, h. 134.

¹¹ Ibid, h. 173.

¹² Ibid, h. 187.

¹³ Ibid, h. 202.

¹⁴ Ibid, h. 229.

¹⁵ Ibid, h. 237.

¹⁶ Ibid, h. 248.

- Bab tentang perkara-perkara yang bertentangan dengan *al-ahliyyah*.¹
- Bab tentang *al-'awāriḍ al-muktasabah*.²

2.2.3. Kitab *Uṣūl al-Sarakhsī* (أصول السرخسي)³

Penulis kitab ini ialah Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī (w. 490 H): Al-Sarakhsī diambil daripada nama tempat kelahirannya iaitu *sarakhs* (سرخس), sebuah kampung tua di dataran negeri Khurāsān. Dalam mazhab Ḥanafīyyah, al-Sarakhsī tergolong ulama' bebas (independen) kerana mempunyai pemikiran liberal dan tersendiri. Kitab *Uṣūl al-Sarakhsī* yang disusunnya merupakan bukti daripada penilaian di atas.

Kitab ini termasuk antara kitab usul fiqh terpenting dalam mazhab Aḥnāf. Kitab ini bukan hanya memaparkan pendapat-pendapat ulama' terdahulu serta mendialogkannya dalam bentuk soalan dan jawapan, tetapi sebaliknya, kitab ini disusun sempena pengasasan dan pembinaan usul fiqh dalam mazhab Aḥnāf.

Kitab ini pula tidak sahaja menghimpun kaedah-kaedah usul fiqh tetapi juga merupakan kumpulan fiqh yang mengandungi pendapat-pendapat para

¹ Ibid, h. 262.

² Ibid, h. 330.

³ Tajuk kitab ini adalah sepertimana termaktub dalam C. I (1993 M), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Manakala tajuk aslinya adalah تهديد لفصول في الأصول sepertimana pernah dikatakan Imam al-Sarakhsī sendiri dalam sebuah kitabnya: *Syarḥ al-Sayr al-Kabīr* cetakan Dā'irah al-Ma'ārif, Juz IV, h. 225. Walau demikian, kitab ini lebih terkenal dengan nama أصول السرخسي [Lihat: Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī (1993 M), *Uṣūl al-Sarakhsī* (*Taḥqīq Abī al-Wafā' al-Afghānī*). C. I. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Juz I, h. 4].

Fuqaha' mazhab Ḥanafīyyah, seperti Imam Abū Ḥanīfah, Imam Abū Yūsuf dan Imam Muḥammad bin al-Ḥasan.

a) Metodologi Penulisan Kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*

Metodologi pembahasan yang digunakan al-Sarakhsī amatlah jelas serta mudah dikaji sama ada dalam formatnya ataupun dalam tajuk yang diambil sebagai pembahasan dalam kitab. Lagi pula sistematika pembahasan topik-topik dalam kitab ini amat ilmiah. Pembahasan ilmu usul fiqh yang dikajinya tidak dicampur-adukkan dengan pembahasan ilmu lain, seperti ilmu aqidah, ilmu falsafah dan ilmu mantiq (logik). Untuk lebih jelasnya, metodologi yang digunakan dalam penulisan kitab ini dapat dipaparkan dalam pokok-pokok huraian berikut ini:

- Format yang digunakan dalam penyusunan setiap topik tidak sama antara topik yang satu dengan topik yang lain. Hal yang demikian ini kerana disesuaikan dengan karakter setiap topik yang tidak sama antara yang satu dengan yang lain. Contohnya, dalam pembahasan sebuah topik, al-Sarakhsī memulai dengan kenyataan masalah yang dibahas berikut aspek pembahagiannya. Tetapi ketika membahas topik yang lain beliau memulai dengan membentangkan pendapat-pendapat berkenaan dengan masalah tersebut. Dalam pembahasan lainnya pun kadang kala beliau hanya memberi tajuk pada masalah kemudiannya disebutkan mana-mana yang sah menurut beliau.

Suatu hal yang menjadi keistimewaan buku ini ialah bahawa al-Sarakhsī selalu memaparkan dalil bagi setiap pendapat ulama' yang menjadi topik pembahasan. Tidak hanya itu, beliau pula membentangkan sudut pandang ulama' yang mengemukakan pendapat dengan

pendekatan ilmiah yang dapat dipertanggung jawabkan. Pada bahagian akhir beliau tidak lupa menjelaskan pendiriannya sendiri setelah melalui analisis yang matang terhadap masing-masing topik pembahasan. Hal yang demikian ini beliau paparkan hampir pada setiap pembahasan dalam kitab.

- Al-Sarakhsī berjaya menyusun dengan sistematik kaitan pemikiran antara topik yang satu dengan topik yang lain. Ini berlaku sama ada pada topik-topik utama ataupun sub-sub topik yang lebih kecil. Hal yang demikian ini dapat dilihat, misalnya, dalam pendahuluan yang dimulai dengan pembahasan tentang ‘arahan’ dan ‘larangan’. Kedua-dua pembahasan ini kemudiannya diikuti dengan pembahasan tentang sebab-sebab syari‘ah diturunkan kemudian disusuli dengan pembahasan tentang kaitan syari‘ah dengan syari‘ah-syari‘ah Nabi terdahulu.

Dalam kaitan ini al-Sarakhsī berpandangan bahawa huraian tentang ‘arahan’ dan ‘larangan’ adalah untuk melaksanakan apa yang disyari‘atkan. Maka di dalamnya terkandung pula perbincangan untuk melaksanakan sebab-sebab sesuatu itu disyari‘atkan.¹

Dalam beberapa sub-bab al-Sarakhsī pula melakukan hal yang sama. Dalam sub-bab pembahasan tentang *al-qiya’s*, misalnya, beliau memulai dengan pembahasan syarat-syarat *al-qiya’s* kemudian diikuti dengan pembahasan rukun-rukunnya. Dalam kaitan ini beliau berpandangan bahawa syari‘ah tidak akan wujud hanya kerana ada rukun-rukunnya, sebelum dipenuhi syarat-syaratnya. Bukankah orang yang mahu nikah harus mendatangkan saksi-saksi dulu dan bukannya

¹ Al-Sarakhsī, *Uṣūl al-Sarakhsī*, Juz I, h. 100.

orang yang mahu sembahyang harus mengambil air wuduk dan menutupi aurat dulu ?¹

- Al-Sarakhsī konsisten dengan pembahasan ilmu usul fiqh dalam bukunya tersebut. Ketika pembahasan mengarah pada topik dalam ilmu lain, beliau langsung tidak mempedulkannya. Hal ini dibuktikan bahawa ketika membahas masalah syari'ah Nabi terdahulu, beliau hanya memaparkan sepintas tentang *ta'abbud* (mengikut ajaran) yang dilakukan Nabi terhadap syari'ah terdahulu.

Dalam kaitan ini, al-Sarakhsī berpendapat bahawa sememangnya terjadi perbezaan pendapat, sama ada sebelum turunnya wahyu, Rasulullah SAW mengikut (ber-*ta'abbud*) dengan syari'ah terdahulu atau tidak. Sebahagian daripada ulama' ada yang bersetuju, sebahagian yang lain pula mengatakan tidak, manakala antara mereka ada pula yang berkecuali. Lebih lanjut beliau berkata bahawa topik pembahasan seperti ini merupakan bidang pembahasan ilmu tawhid. Sedangkan pembahasan dalam kitab ini adalah pembahasan tentang ilmu usul fiqh.²

- Al-Sarakhsī cuba memperbanyak topik pembahasan tentang fiqh serta menganalisisnya secara teliti dan mendalam. Ini dimaksudkan untuk memperjelas posisi kaedah-kaedah usul fiqh pada tahap berikutnya. Tujuan lainnya adalah untuk menyesuaikan kaedah-kaedah *uṣūliyyah* dengan hukum-hakam cabang. Hal sedemikian ini sememangnya menjadi ciri khas usul fiqh mazhab Ahnāf.
- Tidak dapat dinafikan bahawa al-Sarakhsī kadang-kala memberi perhatian khas pada topik pembahasan tertentu. Mungkin kerana

¹ Ibid, Juz II, h. 149.

² Ibid, h. 99 - 100.

pentingnya topik pembahasan tersebut sehingga beliau memberikan ruang pembahasan cukup banyak dibandingkan topik-topik yang lain. Hal ini kelihatan dalam pembahasan tentang ḥadīth *mutawātir* dan lain-lain.¹

- Al-Sarakhsī mempunyai keprihatinan amat tinggi terhadap usaha memperbandingkan pendapat antara para pakar fiqh (Fuqahā') dalam mazhab Aḥnāf. Begitu pula terhadap pendapat-pendapat Fuqahā' yang lain khususnya pendapat-pendapat Imam al-Syāfi'ī. Tidak setakat itu, beliau pula menjelaskan kesan logis daripada adanya perbezaan pendapat.

Hal ini terbukti, misalnya, ketika beliau membahaskan tentang *al-qiyās* dan *al-istiḥsān*. Dalam bahagian akhir pembahasan tentang ini beliau berpandangan bahawa sebahagian Fuqahā' mencerca dalam karyanya bahawa seakan-akan mazhab kita meninggalkan *al-qiyās* dan beralih pada *al-istiḥsān*. Padahal yang berlaku sesungguhnya tidaklah demikian. Bagaimana boleh meninggalkan *al-qiyās* yang telah pun dengan muktamad dianggap sebagai *hujjah syar'iyah* dan kemudian beralih kepada *al-istiḥsān* yang belum tentu boleh dijadikan *hujjah syar'iyah*.²

b) Kandungan Kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*

Kaedah pembahasan yang digunakan dalam penulisan kitab ini tidak jauh berbeza dengan kebanyakan kitab usul fiqh mazhab Aḥnāf lainnya. Yang berbeza dengan kitab-kitab lainnya adalah bahawa kitab *Uṣūl al-*

¹ Ibid, Juz I, h. 282 dst.

² Ibid, Juz II, h. 199 - 200.

Sarakhsī ini memulai pembahasannya dengan topik tentang arahan (الأمر) dan larangan (النهي), manakala kitab-kitab lainnya tidaklah demikian. Dalam kaitan ini, Imam al-Sarakhsī mengemukakan alasan bahawa dengan mengetahui 'arahan' dan 'larangan' maka menjadi sempurna pengetahuan tentang beberapa hukum serta menjadi jelas perbezaan halal dan haram.¹

Kandungan kitab selengkapnya dapat diklasifikasi dalam topik-topik utama seperti yang berikut :

– Bab tentang *al-amr* (arahan)

Dalam pembahasan ini diuraikan tentang pengertian *al-amr* serta penggunaan lafaz *al-amr* untuk berbagai-bagai makna secara *majāz*; kandungan hukum lafaz *al-amr* serta penggunaannya untuk tujuh aspek pengertian; adakah arahan yang mutlak itu memberi erti wajibnya diulang-ulang pelaksanaannya; arahan yang dibatasi oleh masa dan yang tidak dibatasi oleh masa; implikasi hukum wajib dari sebuah arahan; dan lain-lain.²

– Bab tentang *al-nahy* (larangan)

Dalam pembahasan ini dikaji tentang pengertian etimologi dan terminologi *al-nahy* serta implikasi hukum perkara yang dilarang; hukum sebaliknya daripada apa yang diperintahkan dan apa yang dilarang; dan lain-lain.³

¹ Ibid, Juz I, h. 11.

² Ibid, h. 11 dst.

³ Ibid, h. 78 dst.

- Bab tentang nama-nama perkataan (أسماء صيغة الخطاب) dalam usaha untuk memperoleh apa-apa yang diberi nama (المسميات) beserta hukum-hakamnya

Dalam pembahasan ini diuraikan tentang empat nama-nama, iaitu:

al-khās beserta hukumnya; *al-‘ām* beserta hukumnya; *al-musytarak* beserta hukumnya; dan *al-mu’awwal* beserta hukumnya.¹

- Bab tentang nama-nama perkataan (أسماء صيغة الخطاب) dalam penggunaan para Fuqaha’ serta hukum-hakamnya

Pembahasan dalam bab ini meliputi tentang *al-zāhir*, *al-naṣ*, *al-mufassar* dan *al-muḥkam*; *al-ḥaqīqah* dan *al-majāz*; *al-ṣarīkh* dan *al-kināyah*; serta penjelasan tentang cara memahami kalam (pembicaraan) yang masih mutlak.²

- Bab tentang penjelasan makna-makna huruf yang digunakan dalam fiqh

Bab ini menghuraikan tentang makna, fungsi dan kegunaan huruf-huruf depan dalam bahasa arab. Seperti huruf waw (و), fā’ (ف), thumma (ثم), bal (بل), lākin (لكن), aw (أو), hattā (حتى), ilā (إلى), ‘alā (على), min (من), fī (في) dan lain-lain.³

- Bab tentang penjelasan hukum-hakam yang ditetapkan melalui teks yang tersurat (ظاهر النص), bukan melalui analogi ataupun logika

¹ Ibid, h. 124 dst.

² Ibid, h. 163.

³ Ibid, h. 200.

Pembahasan dalam bab ini mengkaji *ibārah al-naṣ*, *isyārah al-naṣ*, *dalālah al-naṣ* dan *muqtaḍā al-naṣ*; *al-qalb wa al-‘aks* (teori kebalikan); dan lain-lain.¹

- Bab tentang *ḥujjah-hujjah syar‘iyyah* beserta hukum-hakamnya

Pembahasan dalam bab ini menghuraikan al-Qur‘an dan kehujahannya; batasan ḥadīth *mutawātir* daripada ḥadīth-ḥadīth yang lain; dan *ijmā‘* (kesepakatan) umat.²

- Bab tentang penerimaan ḥadīth-ḥadīth āḥād

Dalam pembahasan ini dikaji tentang perkara-perkara yang boleh menggunakan dalil ḥadīth āḥād; perawi-perawi yang periwayatannya boleh dijadikan hujah; Persyaratan-persyaratan perawi; kriteria *matan* ḥadīth serta memindahkan kandungan maknanya; periwayatan tulisan ḥadīth; dan lain-lain.³

- Bab tentang *al-bayān* (البيان)

Dalam pembahasan ini dihuraikan tentang pengertian *al-bayān* serta macam-macam *al-bayān* yang lima, iaitu: *bayān taqrīr* (بيان تقرير), *bayān tafsīr* (بيان تفسير), *bayān taghyīr* (بيان تغيير), *bayān tabdīl* (بيان تبدل) dan *bayān ḍarūrah* (بيان ضرورة).⁴

- Bab tentang *al-naskh* (النسخ)

¹ Ibid, h. 236.

² Ibid, h. 277.

³ Ibid, h. 321.

⁴ Ibid, Juz II, h. 26.

Pembahasan dalam bab ini meliputi pengertian etimologi dan terminologi *naskh*; tempat berlakunya nasakh; syarat berlakunya nasakh; penjelasan tentang *al-nāsikh*; serta segi-segi berlakunya nasakh, iaitu: 1) *menaskh* bacaan dan hukum secara bersamaan, 2) *menaskh* hukumnya tetapi tidak *menaskh* bacaannya, 3) *menaskh* bacaannya tetapi tidak *menaskh* hukumnya dan 4) *menaskh* dengan cara menambah *naṣ*.¹

– Bab tentang perbuatan-perbuatan Nabi SAW

Dalam bab pembahasan ini diuraikan tentang perbuatan Nabi SAW yang sememangnya disengaja; cara Nabi SAW menampakkan hukum-hukum *syara'*; bila perbuatan Nabi SAW bersesuaian dengan al-Qur'ān ?; bila pula perbuatan Nabi SAW berfungsi sebagai penjelasan kepada al-Qur'ān ?; syari'ah-syari'ah Nabi sebelum Nabi Muhammad; *taqlīd* (mengikut) pendapat para Sahabat Nabi; kesahan pendapat Tābi'in; dan berlakunya perbezaan pendapat selepas berlaku *ijmā'*.²

– Bab tentang *al-qiyās* (analogi)

Dalam pembahasan ini dikaji tentang mazhab sahabat dan generasi sesudahnya seperti tābi'in berkenaan dengan bolehnya menganalogikan hukum asal kepada hukum cabang dengan menggunakan rasional; perkara-perkara yang mesti diketahui berkenaan dengan *al-qiyās*: seperti maknanya, syaratnya, rukunnya, serta hukumnya; perdebatan adakah hukum asal itu boleh dikaji sebab-musabbabnya; dan lain-lain.³

¹ Ibid, h. 53.

² Ibid, h. 86.

³ Ibid, h. 118.

- Bab tentang cabaran 'illah

Dalam bab ini dikaji tentang cabaran terhadap 'illah, sama ada cabaran yang betul ataupun cabaran yang salah; pembahasan tentang *al-mumāna'ah*; teori kebalikan; pembahasan *al-mu'āraḍah*; dan lain-lain.¹

- Bab tentang *al-tarjīh* (pengunggulan salah satu pendapat)

Pembahasan dalam bab ini meliputi pengertian *al-tarjīh* sama ada dari segi etimologi ataupun terminologi; perkara-perkara yang boleh berlaku *tarjīh*; mengelakkan daripada berlaku pertentangan makna dalam dua naş; apa-apa yang rosak sebab berlaku *tarjīh*; dan lain-lain.²

- Bab tentang pembahagian hukum-hakam, sebab-sebabnya, illah-illahnya, syarat-syaratnya dan tanda-tandanya

Dalam bab pembahasan ini dihuraikan tentang pembahagian hukum kepada empat perkara, iaitu: 1) hak-hak Allah sahaja, 2) hak-hak hamba sahaja, 3) hak-hak Allah dan hamba tetapi hak Allah lebih dominan, dan 4) hak-hak Allah dan hamba tetapi hak hamba lebih dominan; pembahasan tentang sebab-sebab hukum; pengertian sebab; pembahagian sebab; pembahagian 'illah; jenis-jenis 'illah; pembahagian syarat; dan pembahagian tanda (*al-'alāmah*).³

- Bab tentang kecekapan manusia (الأدنى) menanggung hak dan kewajipan serta memikul amanah

¹ Ibid, h. 232.

² Ibid, h. 249.

³ Ibid, h. 289.

Dalam pembahasan ini diuraikan tentang pembahagian kecekapan kepada dua perkara, iaitu: 1) kecekapan wujūb (*ahliyyah al-wujūb*), dan 2) kecekapan adā' (*ahliyyah al-adā'*); dan pembahagian *ahliyyah al-adā'* kepada dua perkara juga, iaitu: a) *kāmil* (sempurna), dan b) *qāsir* (terhad).¹

2.3. Perbandingan Metode Penulisan Kitab Kedua-dua Mazhab

Daripada paparan metode penulisan kitab mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf di atas, kiranya dapat disimpulkan bahawa terdapat proses saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain dalam pola penyusunan kitab usul fiqh masing-masing. Oleh itu, wajar jika terdapat aspek persamaan pola penyusunan kitab di antara kedua-dua mazhab, di samping adanya perbezaan-perbezaan komposisi topik-topik pembahasan dalam kitab.

Segi persamaannya dapat terlihat, misalnya, ketika kitab *al-Mu'tamad* (mazhab Mutakallimīn) dan kitab *Uṣūl al-Sarakhsī* (mazhab Aḥnāf) sama-sama memulai pembahasan dengan lafaz arahan (*al-amr*) dan larangan (*al-nahy*). Segi persamaan yang lain, pada amnya kedua-dua mazhab meletakkan topik *ijtihād* dan *fatwā* pada bahagian akhir pembahasan dalam kitab mereka. Ini sepertimana ditunjukkan oleh kitab *al-Mu'tamad* dan kitab *al-Mustasfā* daripada mazhab Mutakallimīn dan kitab *Uṣūl al-Bazdawī* daripada mazhab Aḥnāf.

Segi persamaannya pula, sesetengah kitab kedua-dua mazhab sama-sama memasukkan pembahasan ilmu kalam dalam bab pendahuluan, sepertimana terlihat dalam kitab *al-Burhān* daripada mazhab Mutakallimīn

¹ Ibid, h. 332.

dan kitab *Uṣūl al-Bazdawī* daripada mazhab Aḥnāf. Manakala dalam dua kitab lainnya, kedua-dua mazhab tidak melakukan pembahasan ilmu kalam.

Sedangkan segi-segi perbezaan kedua-dua mazhab dalam metode penyusunan kitabnya dapat dipaparkan dalam perkara-perkara yang berikut ini:

1. Penulisan kitab dalam mazhab Mutakallimīn dilakukan dengan membentangkan kaedah-kaedah usul fiqh secara mandiri tanpa memberikan tumpuan yang khusus kepada aspek hukum-hakam di peringkat cabang (fiqh). Sebaliknya, mazhab Aḥnāf memberikan tumpuan yang cukup banyak terhadap ulasan hukum-hakam peringkat cabang yang telah pun berjaya dihasilkan oleh ulama'-ulama' pendahulu mereka. Pemaparan hukum-hakam ini dimaksudkan sebagai contoh bagi setiap masalah usul fiqh yang akan dikemukakan, di samping untuk menyesuaikan kaedah-kaedah usul fiqh dengan hukum hakam di peringkat cabang.
2. Pada amnya, topik-topik utama dalam kitab mazhab Mutakallimīn dibentangkan secara global, kemudiannya setiap topik besar tersebut diklasifikasi lebih terperinci lagi menjadi sub-sub bahagian pembahasan lebih kecil. Hal ini sepertimana dalam kitab *al-Burhān* dan kitab *al-Mustaṣfā*. Sebaliknya dalam kitab mazhab Aḥnāf pembahasan topik-topiknya langsung dibentangkan secara terperinci tanpa didahului pemaparan topik-topik lebih besar sebelumnya. Ini sepertimana dalam kitab *Taqwīm al-Adillah* dan kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*.

3. Dalam kitab mazhab Aḥnāf pembahagian lafaz-lafaz ditinjau daripada pelbagai aspeknya dibentangkan secara khusus dalam bab pembahasan al-Qur'ān, sepertimana dalam kitab *Uṣūl al-Bazdawī*. Hal seumpama juga berlaku dalam kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*, bezanya, kitab ini tidak menggunakan bab pembahasan al-Qur'ān sebagai sub topiknya. Sebaliknya dalam kitab mazhab Mutakallimīn pembahasan lafaz-lafaz itu tidak dibentangkan dalam pembahasan khusus, tetapi dibentangkan dalam pelbagai bahagian dan sub-bahagian yang ada dalam setiap pembahasan dalam kitab.
4. Dalam kitab mazhab Mutakallimīn, topik tentang *al-tarjīḥ* diletakkan dalam bahagian akhir pembahasan, sepertimana ditunjukkan dalam kitab *al-Burhān* dan kitab *al-Mustasfā*. Manakala topik seumpama dalam kitab mazhab Aḥnāf dihuraikan di bahagian tengah pembahasan dalam kitab, sepertimana ditunjukkan dalam kitab *Taqwīm al-Adillah* dan kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*. Walau demikian, dalam kitab mazhab Aḥnāf yang lain, iaitu kitab *Uṣūl al-Bazdawī*, pembahasan tersebut diletak di bahagian akhir setelah pembahasan tentang *al-ijtihād*.
5. Dalam kitab mazhab Aḥnāf, pembahasan tentang *af'āl al-rasūl* (perbuatan-perbuatan Nabi) dibentangkan dalam sub-bab tersendiri, sepertimana dalam kitab *Taqwīm al-Adillah* dan *Uṣūl al-Sarakhsī*. Manakala pembahasan seumpama tidak dibahas secara tersendiri dalam kitab mazhab Mutakallimīn, sepertimana dalam kitab *al-Mustasfā*. Walau demikian, dalam kitab mazhab Mutakallimīn yang

lain, iaitu kitab *al-Mu'tamad* dan *al-Burhān*, pembahasan tersebut juga dibentangkan dalam bab tertentu.

6. Dalam kitab mazhab Mutakallimīn, pembahasan tentang *al-istiṣhāb* dibentangkan dalam sub-bab tersendiri, sepertimana dalam kitab *al-Burhān* dan *al-Mustasfā*. Manakala kitab mazhab Aḥnāf tidak membentangkan pembahasan seumpama, sepertimana dalam kitab *Uṣūl al-Bazdawī* dan kitab *Uṣūl al-Sarakhsī*. Walau demikian, dalam kitab mazhab Aḥnāf yang lain, iaitu kitab *Taqwīm al-Adillah*, pembahasan topik tersebut dibentangkan dalam bab tersendiri.
7. Dalam kitab mazhab Aḥnāf pembahasan tentang *al-istiḥsān* dan *syar' man qablanā* dibentangkan dalam bab pembahasan tersendiri, sepertimana dalam kitab *Taqwīm al-Adillah* dan *Uṣūl al-Bazdawī*. Manakala dalam kitab mazhab Mutakallimīn tidaklah demikian.